

921-121

ISBN 967-912-024-4

SIRI SEJARAH PENTADBIRAN

**SEJARAH PENTADBIRAN  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN  
DAN PERINDUSTRIAN**

**ARKIB NEGARA MALAYSIA  
1991**

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
9 MAY 1992

01  
354.595 008 2  
DET

653272  
APB

17 FEB 1993  
Perpustakaan Negara  
Kuala Lumpur

# KANDUNGAN

	Muka Surat
PENDAHULUAN	i
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN	1
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri	3
Bahagian Perdagangan Antarabangsa	5
Bahagian Perindustrian	8
Bahagian Penguatkuasa	10
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	14
Bahagian Penyertaan Bumiputera	14
Bahagian Metrik	17
Bahagian Hal Ehwal Pengguna	17
Bahagian Perusahaan Kecil	19
Bahagian Perkhidmatan Komputer	20
PEJABAT PENDAFTARAN CAP DAGANGAN DAN JAMINHAK (PATEN)	21
Pejabat Cap Dagangan	21
Pejabat Pendaftaran Jaminhak	22
PEJABAT PENDAFTARAN SYARIKAT	23
PEJABAT PENDAFTARAN PERNIAGAAN	25
LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA)	27
PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA (PDPN)	32
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM MALAYSIA (FINAS)	36
PERBADANAN KEMAJUAN PELANCONGAN MALAYSIA (PKPM)	38
HUJUNGAN-HUJUNGAN	
Hujungan I	Carta Organisasi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia
	41
Hujungan II	Carta Organisasi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)
	42
Hujungan III	Carta Organisasi Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN)
	43
Hujungan IV	Carta Organisasi Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS)
	44
Hujungan V	Carta Organisasi Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM)
	45
SENARAI AKTA	46
BIBLIOGRAFI	48

## PENDAHULUAN

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Arkib Negara Malaysia untuk mengeluarkan terbitan-terbitan mengenai bahan-bahan yang berada di dalam simpanannya. Antaranya termasuklah Senarai-senarai Penerimaan, Inventori, Penerbitan-penerbitan In-Extenso, Panduan Rekod-rekod Negeri, Panduan Rekod-rekod Persekutuan dan senarai topik-topik tertentu. Sebahagian besar daripada Panduan-panduan tersebut tidak mempunyai Sejarah Pentadbirannya.

Dalam usaha untuk melengkapkan lagi Panduan-panduan tersebut, Arkib Negara telah menjalankan projek Sejarah Pentadbiran Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan yang telah dimulakan pada bulan Ogos 1984. Panduan ini disediakan berdasarkan maklumat sehingga tahun 1990. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah salah satu daripada Kementerian-kementerian tersebut.

Kajian Sejarah Pentadbiran adalah penting dan setiap kumpulan arkib perlu mempunyai sejarah lengkap dan tepat mengenai Jabatan-jabatan yang mewujudkan rekod-rekod tersebut. Maklumat latarbelakang seperti ini merupakan alat yang tidak boleh dipisahkan di dalam menjelaskan makna rekod-rekod Kerajaan dan di dalam memahami fungsi Jabatan-jabatan berkenaan. Sejarah pentadbiran juga dapat membantu Pegawai-pegawai Arkib mengenali keadaan sebenar rekod-rekod yang berada di dalam jagaannya.

Kerja-kerja untuk menyediakan Sejarah Pentadbiran Kementerian dan sejumlah besar Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan memerlukan masa yang panjang. Oleh itu Sejarah Pentadbiran ini akan diterbitkan berperingkat dalam bentuk siri yang dinamakan 'SIRI SEJARAH PENTADBIRAN'.

Saya berharap Sejarah Pentadbiran ini akan dapat membantu penyelidik-penyelidik yang berminat untuk mengetahui latarbelakang sejarah penubuhan, objektif-objektif dan fungsi-fungsi sesebuah Kementerian/Jabatan yang tertentu.

DATO' ZAKIAH HANUM  
Ketua Pengarah,  
Arkib Negara Malaysia.

Mei 1991.

## KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ditubuhkan pada bulan April 1956. Pada masa itu Kementerian dikenali sebagai Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan mempunyai dua bahagian utama iaitu Bahagian Ekonomi Eksport Barang dan Bahagian Perdagangan, Perbendaharaan. Pada 18 Februari 1972 nama Kementerian telah diubah kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian; dan kedua-dua bahagian di Kementerian dikenali sebagai Bahagian Eksport Barang-barang dan Bahagian Perdagangan.

Objektif Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ialah:

1. Merancang dan melaksanakan dasar perdagangan dan perindustrian selaras dengan dasar ekonomi baru;
2. Menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negeri dan menyelaras serta mengawal perkembangan industri-industri;
3. Menggalakkan eksport Malaysia dan memperkuat hubungan perdagangan dua hala dan berbagai hala dan kerjasama serantau;
4. Mengawal import dan eksport, menentukan harga barang-barang keperluan dan mengawasi suasana amalan dan praktik perdagangan yang bersih;
5. Menggalakkan dan memesatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian khususnya pedaran barangan dan perkhidmatan; dan
6. Mempertingkatkan daya pengeluaran melalui program latihan pengurusan, perkembangan keusahawanan dan khidmat perundingan pengurusan.

Di awal penubuhannya tugas dan tanggungjawab Kementerian adalah lebih tertumpu kepada bidang perdagangan dan mengawasi eksport barang-barang utama Persekutuan Tanah Melayu; menggalakkan perindustrian melalui 'Industrial Development Section'; mentadbir rancangan Kerajaan untuk RIDA (Rural and Industrial Development Authority) dan Lembaga Letrik Negara serta mengawasi 'Government Reserve Stock of Rice' melalui Unit Bekalan.

Peranan dan tanggungjawab Kementerian Perdagangan mulai penting setelah negara ini mencapai Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dan setelah pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Pada 28 Ogos 1958 telah diluluskan satu 'Bill' yang bertujuan untuk menggalakkan pelaburan modal dari dalam dan luar negeri. Dengan ini 'Industrial Development Section' telah diperbesarkan kepada 'Industrial Development Division'. Pada hujung tahun 1958 pula sebuah unit baru dikenali sebagai 'Tourist Promotion Section' telah ditubuhkan sebagai usaha-usaha galakan pelancongan di negara ini. Pada tahun 1961 pentadbiran Kementerian Perdagangan dan Perusahaan telah diambil alih oleh pegawai-pegawai tempatan dengan sepenuhnya.

Pada tahun 1963, kegiatan Kementerian telah bertambah apabila Pusat Daya Pengeluaran Negara, Pendaftaran Cap Dagangan dan Pendaftaran Syarikat turut menganggotai

Kementerian. Kemudian diikuti oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) dan 'Standards Institutions of Malaysia' (SIM).

### **Organisasi Kementerian**

Sejak penubuhannya Kementerian telah mengalami beberapa perubahan dari segi organisasi. Kajian ke atas organisasi telah dibuat dari masa kesemasa berikutan dengan perkembangan bahagian-bahagian di Kementerian. Empat rombakan organisasi Kementerian telah dibuat pada tarikh-tarikh berikut:

1. 7 Februari 1958 – 6 November 1958
2. 5 Jun 1961 – Oktober 1963
3. 25 November 1969 – 1 September 1971
4. 18 Mei 1978 – 9 Februari 1981

Dengan penyusunan semula ini bahagian-bahagian berikut telah dibentuk dan bertanggungjawab ke atas aktiviti-aktiviti tertentu:

1. Bahagian Perdagangan Dalam Negeri
2. Bahagian Perdagangan Antarabangsa
3. Bahagian Perindustrian
4. Bahagian Penguatkuasa
5. Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
6. Bahagian Penyertaan Bumiputera
7. Bahagian Metrik
8. Bahagian Hal Ehwal Pengguna
9. Bahagian Perusahaan Kecil
10. Bahagian Perkhidmatan Komputer
11. Pendaftaran Cap Dagangan dan Jamin Hak (Paten)
12. Pendaftaran Syarikat
13. Pendaftaran Perniagaan

Empat buah Badan Berkanun berikut diwujudkan di bawah Kementerian ini iaitu:-

1. Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)
2. Pusat Daya Pengeluaran Negara (NPC)
3. Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC)
4. Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS)

## **BAHAGIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI**

Bahagian Perdagangan Dalam Negeri wujud apabila Bahagian Perdagangan dirombak pada 1 Januari 1972 di mana ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian Perdagangan Dalam Negeri dan Bahagian Perdagangan Antarabangsa. Tugas dan tanggungjawab bahagian ini ialah menggubal dasar-dasar dan melaksanakan langkah-langkah untuk mewujudkan iklim perdagangan yang bersih di dalam negeri serta memberi perlindungan secukupnya kepada industri-industri tempatan dan kepentingan-kepentingan pengguna.

Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk menyemak dan mengawasi kedudukan harga barang-barang perlu bagi menjamin bekalan dalam negeri mencukupi. Tugas bahagian ini juga perlu memastikan pekilang-pekilang terutamanya mereka yang diberi perlindungan tarif atau sekatan import terhad, galakan atau pengecualian import, dikehendaki memasarkan barang-barang keluaran mereka dengan harga yang berpatutan. Semasa berlakunya kekurangan bekalan di pasaran tempatan, Bahagian ini mengenakan kawalan eksport dan di mana perlu melonggarkan kawalan import bagi menentukan barang-barang berkenaan dapat dibekalkan dengan secukupnya.

Semenjak 1 Oktober 1978 Bahagian ini telah mengambilalih fungsi pengeluaran lesen-lesen bagi 'downstream operation' di dalam industri-industri petroleum seperti yang dikehendaki di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 yang sebelum ini telah dikeluarkan oleh PETRONAS. 'Downstream Operation' ini adalah berkaitan dengan memasar borong dan mengedar runcit minyak gasolin motor, minyak disel, minyak bahanapi, gas cecair petroleum dan minyak tanah.

Bahagian ini juga bertanggungjawab kepada pentadbiran dasar-dasar yang berhubung dengan peraturan-peraturan perdagangan syarikat-syarikat asing serta mentadbir Akta Sewabeli 1967 dan Akta Hakcipta 1969.

Bahagian ini juga mempunyai lima cawangan di Johor Bahru, Pulau Pinang, Kota Bharu, Kuching dan Kota Kinabalu yang bertanggungjawab memproses dan mengeluarkan 'certificate of origin' di bawah 'Generalised Scheme of Preferences (GSP)' bagi barang-barang yang dieksport ke negara-negara maju serta mentadbir dan melaksanakan dasar-dasar berkenaan dengan perdagangan dalam negeri di peringkat serantau. Pejabat Cawangan juga dikehendaki menyelaras bengkel-bengkel yang diadakan di negeri atau wilayah masing-masing pada setiap tahun di samping menjadi pejabat penyelaras kepada cawangan-cawangan lain-lain Bahagian Kementerian.

Aktiviti yang dijalankan oleh Perdagangan Dalam Negeri ialah:

1. Menjalankan kajian harga ke atas barang-barang perlu termasuk bahan-bahan mentah seperti gula, tepung, minuman ringan, roti, minyak petrol, bahan binaan (simen, besi, keluli, granit dan lain-lain), susu dan memastikan bekalan adalah mencukupi mengikut keperluan.
2. Memproses permohonan syarikat asing bagi menubuhkan pejabat cawangan, pejabat perwakilan dan pejabat serantau di negara ini.
3. Mengulangkaji formaliti perdagangan dalam konteks "trade facilitations".

4. Memproses permohonan dan mengeluarkan kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum.
5. Memproses dan mengeluarkan Sijil Pengiktirafan Syarikat Bertaraf Bumiputera.
6. Melindungi industri tempatan melalui pengawalan import dan eksport barangan tertentu melalui pengeluaran lesen import dan eksport seperti tertakluk di bawah Akta Kastam 1967, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1988 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 1988.
7. Mengkaji dan meminda akta-akta Perlindungan Pengguna yang sedia ada serta menggubal undang-undang baru dalam bidang amalan perdagangan dan perlindungan pengguna. Akta yang ada ialah seperti Akta Sewa Beli, Akta Hak Cipta, Akta Jualan Langsung dan lain-lain.

Di bawah Bahagian Perdagangan Dalam Negeri terdapat Jawatankuasa Ulangkaji Harga. Jawatankuasa ini ditubuhkan pada tahun 1969 sebagai satu jawatankuasa 'ad hoc' bagi mengkaji permohonan kenaikan harga barang-barang yang dirujukkan kepadanya. Keseluruhan harga barang-barang yang dirujuk kepada Jawatankuasa ini terdiri daripada:

1. Barang-barang yang diwartakan sebagai barang kawalan menurut Akta Kawalan Bekalan 1961.
2. Barang-barang keluaran industri yang dikenakan syarat harga pada masa kelulusan industri tersebut dan industri-industri yang mendapat perlindungan khas seperti tarif atau pun sekatan import.

Segala permohonan untuk menaikkan harga barang akan dikaji oleh Perdagangan Dalam Negeri dengan teliti. Ini akan disusuli dengan perbincangan dengan pengeluar dan segala maklumat yang dikemukakan oleh pengeluar akan dikaji dengan teliti berserta dengan bukti-bukti yang ditunjukkan. Setelah menganalisa dan mengkaji permohonan yang dikemukakan itu, Perdagangan Dalam Negeri akan mengemukakan kepada Jawatankuasa Ulangkaji Harga untuk pertimbangan.

Jawatankuasa akan mengkaji sesuatu permohonan untuk menaikkan harga dari beberapa segi seperti kos pengeluaran, perbelanjaan yang kurang perlu dan boleh dikurangkan seperti pengiklanan, bayaran pengarah, belanja pengedaran dan juga kesan-kesan yang akan ditimbulkan terhadap pengguna barang tersebut sekiranya kenaikan harga dibenarkan. Jawatankuasa juga akan membuat kajian samada kenaikan harga bahan-bahan mentah adalah buat sementara waktu atau untuk selama-lamanya.

Pihak jawatankuasa juga akan memberi perhatian kepada sumber-sumber bahan mentah yang didapati oleh sesebuah firma pada masa itu adakah lebih tinggi harganya dibandingkan dari punca-punca lain. Setelah selesai kajian, jawatankuasa akan mengemukakan laporan kepada Menteri Perdagangan. Sekiranya kenaikan harga barang memberi kesan yang jelas kepada rakyat, Menteri akan membawanya kepada sidang Kabinet untuk kelulusan.

Di antara barang-barang yang perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Ulangkaji Harga ialah gula, tepung, simen, batang besi keluli bulat, minyak tanah, petrol, disel dan gas petroleum cecair dan lain-lain.



## **BAHAGIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA**

Bahagian ini ditubuhkan pada tahun 1972 iaitu setelah Bahagian Perdagangan disusun semula menjadi Bahagian Perdagangan Dalam Negeri dan Bahagian Perdagangan Antarabangsa. Peranan utama bahagian ini ialah untuk menggalak dan memperkembangkan eksport barang-barang keluaran Malaysia khususnya barang-barang separa pembuatan, merangka serta melaksanakan langkah-langkah yang sesuai bagi mendapatkan syarat dan keadaan yang paling menguntungkan untuk kemasukan barang-barang Malaysia ke pasaran luar negeri.

Pejabat-pejabat perdagangan telah ditubuhkan di luar negeri untuk membantu dalam kegiatan galakan eksport barang-barang Malaysia. Sejumlah dua puluh lapan pejabat perdagangan telah ditubuhkan di pusat-pusat perdagangan utama di London, The Hague, Brussels, Vienna, Cologne, Paris, Belgrade, Moscow, Stockholm, New York, Toronto, San Francisco, Tokyo, Hong Kong, Sydney, Jakarta, Kuwait, Jeddah, Dubai, Nairobi, Singapura, Bangkok, Manila, Sao Paulo, Seoul, Milan, Medan dan Copenhagen. Sebuah Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu juga ditubuhkan bertempat di Geneva.

Dalam usahanya untuk melaksanakan tanggungjawab di atas Perdagangan Antarabangsa telah menyertai berbagai forum antarabangsa dan serantau di samping menganjur berbagai rombongan dan aktiviti galakan eksport yang lain samada secara langsung atau tidak langsung.

Penyertaan Perdagangan Antarabangsa di dalam forum antarabangsa bermula sejak Oktober 1957 apabila Malaya pada masa itu menyertai Peraturan Am Tarif dan Perdagangan (GATT). Walau bagaimanapun penglibatan aktif Malaysia di forum berkenaan hanya bermula pada tahun 1979 iaitu apabila bermulanya 'Pusingan Tokyo'. Melalui GATT Malaysia telah mendapat faedah keatas eksportnya dengan mendapat layanan Sistem Keutamaan Am (GSP) yang ditawarkan oleh kebanyakan negara-negara maju yang menganggotai GATT. Selain dari forum di atas, melalui forum kerjasama serantau yang lebih dikenali sebagai ASEAN, satu skim keutamaan layanan perdagangan yang hampir sama dengan GSP diperkenalkan iaitu Sistem Keutamaan ASEAN (ASEAN Preferential Trade Arrangement – ASEAN PTA). Skim ini pula ditandatangani pada tahun 1967 dan dilaksanakan dalam tahun 1978.

Bagi menggalakkan eksport pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti rombongan perdagangan, pameran perdagangan, seminar dan bengkel, pusat Rujukan Maklumat dan Nasihat dan 'Fly-in Buyers' atau 'Mission'. Aktiviti rombongan dan pameran telah dimulakan sejak tahun 1973 dan peruntukan khas aktiviti ini dikelolakan oleh Jawatankuasa Perdagangan Luar dan Pelaburan (COFTI).

Untuk melaksanakan tugas-tugasnya dalam negeri Perdagangan Antarabangsa mempunyai unit-unit seperti berikut:

1. Unit Galakan Eksport
2. Unit Perhubungan Perdagangan Antarabangsa
3. Unit Kerjasama Ekonomi Serantau ASEAN

4. Unit Kajian Perkapalan dan Tambang
5. Unit Tekstil
6. Unit Khas 'Countertrade'
7. Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO)

#### **Unit Galakan Eksport.**

Fungsi utama unit ini ialah:

1. Merangka strategi-strategi untuk meningkatkan eskport negara di pasaran tradisi dan bukan tradisi.
2. Menyelaras aktiviti-aktiviti Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri.
3. Menganjurkan lawatan rombongan rasmi perdagangan Malaysia di luar negeri di pasaran-pasaran asing yang terpilih.
4. Menjadi Urusetia kepada Majlis Gerakan Eksport Malaysia.

#### **Unit Perhubungan Perdagangan Antarabangsa**

Tugas unit ini adalah:

1. Mengikuti dan mengkaji implikasi perkembangan dalam perdagangan antarabangsa.
2. Menyelaras, membuat rumusan, pendirian negara dan merumuskan penyertaan Malaysia ke persidangan/rundingan dalam forum-forum antarabangsa yang berkaitan dengan perdagangan dan pembangunan (UNCTAD, GATT, ITC, ESCAP dan OIC serta Commonwealth).
3. Bertanggungjawab dalam Perjanjian Perdagangan Duahala dan Berbagai Hala (Bi-lateral and Multilateral Trade Agreements).
4. Urusan pengesahan dan verifikasi sijil-sijil tempasal (certificate of origin) untuk barangan Malaysia di bawah Sistem Keutamaan Am (GSP).

#### **Unit Kerjasama Ekonomi Serantau ASEAN**

Unit ini bertanggungjawab:

1. Menyelaras dan menggiatkan penyertaan Malaysia dalam kerjasama ekonomi dikalangan negara-negara ASEAN.
2. Urusetia kepada Jawatankuasa Penyelaras Nasional di peringkat kabinet dan pegawai-pegawai kanan mengenai hal-hal ekonomi luar negeri dan kerjasama ekonomi ASEAN.
3. Bertanggungjawab ke atas penyediaan Perundingan-perundingan Keutamaan Perdagangan (PTA) dengan lain-lain negara ASEAN.
4. Mengeluar dan mengesahkan borang-borang ASEAN PTA untuk para pengeksport Malaysia.
5. Mempergiatkan kerjasama ekonomi dikalangan negara-negara ASEAN dengan negara-negara lain (ASEAN Dialogues).

## **Unit Kajian Perkapalan dan Tambang**

Unit Kajian Perkapalan dan Tambang bertanggungjawab:

1. Mengendalikan kajian mengenai kesesuaian dan kecekapan perkhidmatan perkapalan untuk mengangkut perdagangan luar Malaysia.
2. Menjadi urusetia kepada Majlis Pengguna-pengguna Kapal Kebangsaan Malaysia.
3. Menjadi ahli dalam mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaysia.
4. Mengikuti dan mengkaji kesan perubahan-perubahan di peringkat antarabangsa yang berkaitan dengan perkhidmatan perkapalan dan lain-lain media pengangkutan.
5. Mengambil bahagian di dalam mesyuarat-mesyuarat yang dianjurkan oleh ESCAP, UNCTAD dan lain-lain Pertubuhan Antarabangsa di atas perkara-perkara yang berhubung dengan perkapalan.

## **Unit Khas Countertrade**

Unit Khas Countertrade bertanggungjawab:

1. Merangka dan melaksanakan polisi dan panduan mengenai 'Countertrade'.
2. Mengumpul dan mengaturkan maklumat mengenai 'Countertrade' seperti barang-barang yang boleh dipertukarkan dan penjual dan pembeli dalam dan luar negeri untuk barang-barang 'Countertrade'.
3. Menasihatkan pihak kerajaan dan swasta mengenai pelaksanaan 'Countertrade'.
4. Mengawasi kemajuan pelaksanaan 'Countertrade' oleh pihak kerajaan dan sektor swasta.

## **Unit Tekstil**

Tugas Unit ini ialah:

1. Mengadakan perundingan dan mengawasi perjanjian-perjanjian tekstil duahala dengan negara-negara pengimport.
2. Menjaga kepentingan Malaysia di dalam Peraturan Pelbagaian Serabut (Multifibre Arrangement) yang mana Malaysia merupakan salah sebuah anggotanya sejak tahun 1974.

## **Pusat Dagangan Eksport Malaysia (MEXPO)**

Tanggungjawab MEXPO ialah:

1. Menjadi pusat sumber maklumat yang kemaskini mengenai semua aspek perdagangan antarabangsa untuk kemudahan masyarakat perniagaan di Malaysia atau di luar negeri yang berminat ke atas eksport atau keluaran Malaysia.
2. Menganjurkan pameran keluaran-keluaran eksport Malaysia di luar dan di dalam negeri.
3. Merancang dan mengelolakan seminar, bengkel dan persidangan mengenai beberapa bidang yang berkaitan dengan perdagangan antarabangsa dan pemasaran eksport.

## BAHAGIAN PERINDUSTRIAN

Pada peringkat awal kegiatan perindustrian belum mendapat perhatian sehinggalah pada tahun 1957, apabila sebuah unit kecil yang dipanggil Seksyen Pembangunan Perindustrian ditubuhkan bagi mengendalikan aktiviti-aktiviti penggalakan perindustrian. Unit ini dikendalikan oleh hanya enam orang pegawai dari keseluruhan 253 orang pegawai Kementerian. Pada tahun yang sama juga pejabat Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dipindahkan dari pejabat Kerajaan di Jalan Persekutuan ke Rumah Persekutuan.

Peranan Seksyen Pembangunan Perindustrian mula diberi perhatian dan menjadi penting setelah pihak kerajaan pada 28 Ogos 1958 meluluskan Rang Undang-undang bertujuan menggalakkan pelaburan modal dari luar dan dalam negeri bagi industri baru dan 'enterprise'. Berikutan daripada ini Seksyen tersebut telah diperbesarkan menjadi Bahagian Perindustrian. Bahagian ini mula aktif pada penghujung tahun 1958 dan mula memproses permohonan Taraf Perintis dari 16 buah syarikat yang melibatkan 54 jenis pengeluaran. Penubuhan Bahagian Perindustrian ini juga adalah ekoran daripada kajian-kajian rombakan organisasi Kementerian yang telah diadakan pada tahun 1958, 1963 dan 1971. Beberapa perkara penting telah dibuat perubahan termasuklah mengenai Bahagian Industri.

Dari masa ke semasa peranan Bahagian Perindustrian menjadi semakin luas dan penting serta bertanggungjawab terhadap pelaksanaan beberapa Akta yang berkaitan dengan Perindustrian. Akta-akta tersebut ialah Akta Galakan Pelaburan 1968 yang kemudiannya dimansuhkan berikutan Pelaksanaan Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan akta Penyelarasan Perindustrian 1975.

Objektif Bahagian Perindustrian ialah:-

1. Memastikan pembangunan, pelaksanaan dan penyelarasan semua projek-projek dalam sektor perindustrian dan pembuatan di Malaysia adalah selaras dengan kehendak-kehendak dasar perindustrian negara serta mencapai matlamat sosio-ekonomi Dasar Ekonomi Baru.
2. Mengwujudkan kemudahan-kemudahan infrastruktur serta pembangunan kawasan-kawasan yang belum maju, membangunkan industri kecil dan sederhana sebagai industri sokongan, menambahkan barang-barang keluaran mengwujudkan peluang-pekerjaan, menambah pendapatan penduduk semua kaum dan hakmilik (ekuiti) bumiputera dalam sektor korporat.
3. Mengembangkan pengetahuan pengurusan dan teknik kepada penduduk-penduduk tempatan serta lain-lain faedah yang boleh disifatkan sebagai memperbaiki taraf sosio-ekonomi negara.

Dari segi fungsi, Bahagian Perindustrian bertanggungjawab:-

1. Menjalankan penyelidikan dan perancangan strategi mengenai pembangunan perindustrian secara makro;
2. Menjalankan kajian-kajian sektor dengan tujuan merangka strategi/dasar yang tertentu dan menetapkan arah aliran pertumbuhan (*future direction of growth*) (tidak termasuk kajian 'Industry Trend') dan 'Market Survey' dari segi potensi keluaran dan 'Industry Brief'.

3. Mengawas perkembangan sektor industri dari segi pencapaian matlamat yang telah ditentukan.
  4. Mengenalpasti/ menjalankan kajian-kajian berbentuk 'Non-Sectoral' dengan tujuan memperakukan dasar/strategi yang bersesuaian seperti:-
    - Iklim pelaburan
    - Insentif/galakan
    - Pembangunan sumber manusia dan peningkatan kemahiran
    - R & D dan pembangunan/perkembangan teknologi
    - DEB terutama sekali dari segi 'Post 1990 Scenario'.
    - Mengadakan dialog dengan usahawan bumiputera, Persatuan Industri dan sebagainya.
  5. Menjalankan kajian mengenai perlindungan tarif bagi industri-industri mengikut sektor dan secara makro.
  6. Mengesan dan membuat penilaian penglibatan bumiputera dalam sektor perindustrian dari segi pemilihan dan gunatenaga;
  7. Menyelaras, menyusun serta menilai kerja-kerja mengenai perhubungan antarabangsa dalam bidang pembangunan perindustrian di peringkat dua hala, serantau dan berbagai hala seperti ASEAN, CHOGRM, UNIDO dan lain-lain;
- Mengadakan kajian dan penyusunan ke atas program pembangunan teknologi.

Perlaksanaan fungsi di atas dilaksanakan berpandukan kepada 'Policy Instrument' serta akta-akta berikut:-

**1. Akta Penyelaras Perindustrian 1975**

Semua projek perindustrian yang mempunyai modal pemegang saham \$2.5 juta atau lebih atau mempunyai 75 orang pekerja sepenuh masa atau lebih, diwajibkan mendapat lesen pengilang daripada pegawai pelesen yang dilantik oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Permohonan untuk mendapat lesen pengilangan dibuat melalui MIDA.

**2. Akta Kemajuan Petroleum 1974**

Di bawah Akta ini, pengeluar petroleum atau bahan petroleum diwajibkan mendapat kebenaran untuk aktiviti-aktiviti 'downstream' daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Selain dari fungsi-fungsi di atas yang bercorak 'Developmental', Bahagian ini juga menjalankan fungsi-fungsi operasi seperti berikut:-

1. Pengesahan pematuhan syarat ekuiti.
2. Pengesahan pematuhan syarat gunatenaga dan Lembaga Pengarah.
3. Mengeluarkan surat pelepasan.
4. Pengambilan/percantuman syarikat.

5. Penyusunan saham bumiputera.
6. Kelonggaran pematuhan syarat ekuiti.
7. Penentuan hari pengeluaran.
8. Pertukaran syarat ekuiti.
9. Perlanjutan tempoh pelepasan cukai.

## **BAHAGIAN PENGUATKUASA**

Bahagian Penguatkuasa telah ditubuhkan pada 17 April, 1972. Faktor-Faktor penting yang menyebabkan tertubuhnya Bahagian ini ialah:-

1. Ordinan Kawalan Harga, 1946 (sekarang Akta Kawalan Harga, 1946) dan Akta Kawalan Bekalan, 1961 yang telah pun berkuatkuasa dan dilaksanakan oleh Bahagian Bekalan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebelum 17 April, 1972. Apabila Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) ditubuhkan dalam tahun 1971, semua pegawai-pegawai dan kakitangan Bahagian Bekalan telah diserapkan ke LPN. Ini menyebabkan kedua-dua Akta tersebut di atas tidak mempunyai jentera untuk melaksanakannya.
2. Pengalaman pahit Peristiwa 13 Mei, 1969 dan Banjir Besar dalam tahun 1971 telah memberi kesedaran kepada Kerajaan supaya satu sistem yang teratur patut diwujudkan untuk menyimpan dan membahagikan barang-barang perlu terutamanya tenaga kerja yang tetap dan terlatih.
3. Sejak tahun 1971, tanda-tanda inflasi telah dirasai oleh negara. Kenaikan harga dan kesukaran mendapatkan bekalan barang-barang perlu harian telah menimbulkan masalah kepada Kerajaan. Walaupun Kerajaan telah mempunyai undang-undang untuk menghadapi masalah ini, perlaksanaannya tidak dapat dibuat kerana ketiadaan anggota.

Objektif Bahagian Penguatkuasa ditubuhkan ialah:-

1. Mengawasi kedudukan harga barang-barang perlu supaya sentiasa berada diparas yang munasabah dan berpatutan.
2. Mengatasi kedudukan bekalan barang-barang perlu supaya sentiasa mencukupi dalam semua keadaan masa.

Fungsi utama Bahagian ini ialah:

1. Menyasat aduan-aduan orang awam mengenai kenaikan harga dan kekurangan barang-barang dan mengambil tindakan yang perlu untuk mengatasinya;
2. Mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai pengeluaran, pengedaran dan kekurangan barang-barang kawalan;
3. Menentukan pengeluaran barang-barang kawalan cukup;
4. Mencadangkan undang-undang yang perlu bagi mencegah pengambilan keuntungan yang berlebihan dan lain-lain amalan perdagangan yang tidak sihat;
5. Mengambil bahagian di dalam mesyuarat persatuan-persatuan pengguna.

jawatankuasa-jawatankuasa dan pasukan-pasukan petugas mengenai harga dan bekalan barang-barang perlu;

6. Melaksanakan kempen anti sorok;
7. Mengumpul, menyimpan dan mengedarkan barang-barang perlu di masa krisis dan darurat;
8. Mengumpul harga barang-barang keperluan harian, mengkaji alirannya dan menyediakan senarai harga mingguan barang-barang untuk direkodkan;
9. Mengeluarkan lesen, permit dan surat khas kepada penjual runcit, penjual borong dan pengilang serta pengguna-pengguna industri bagi barang-barang kawalan iaitu tepong gandum, gula, minyak masak, minyak tanah, petrol, gas masak, disel, bar besi bulat, simen dan baja.
10. Mengeluarkan lesen-lesen pembuat/pembaik/penjual alat-alat timbang sukat; dan
11. Mencegah sebarang penyelewengan di bawah akta-akta yang dikuatkuasakan oleh Bahagian dan di mana perlu mendakwa pihak-pihak berkenaan di mahkamah. Bahagian ini mempunyai dua puluh lapan cawangan di seluruh negara.

Di antara undang-undang yang dikuatkuasakan ialah:

1. Akta Kawalan Harga 1946
2. Akta Kawalan Bekalan 1961
3. Akta Sewa Beli 1967
4. Akta Perihal Dagangan 1972
5. Akta Timbang dan Sukat 1972

#### **Akta Kawalan Harga 1946**

Tanggungjawab utama Bahagian Penguatkuasa pada waktu itu ialah untuk menguatkuasakan Perintah Kawalan Harga (Penunjuk Gred dan Harga) 1967 iaitu undang-undang subsidiari yang dibuat di bawah Akta Kawalan Harga, 1946. Perintah ini kemudian dibatalkan dan diganti dengan perintah Kawalan Harga (Penandaan Gred, Mutu dan Harga Oleh Penjual Runcit) 1974 yang mana kemudian dibatalkan dan digantikan dengan perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977 yang sedang berkuatkuasa sekarang. Di bawah Perintah ini semua penjual runcit dimestikan meletakkan tanda harga kepada 111 jenis barang-barang perlu.

#### **Akta Kawalan Bekalan 1961**

Akta Kawalan Bekalan, 1961 adalah bertujuan untuk mengawal bekalan barang-barang yang diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan. Semasa Bahagian Penguatkuasa ditubuhkan, barang-barang kawalan di bawah Akta tersebut ialah kayu getah (bagi negeri-negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak) yang diisytiharkan pada 14 Disember, 1967; gula, susu dan garam yang diisytiharkan pada 20 Januari, 1972 dan simen dan klinker pada 2 Mac, 1972. Bilangan barang-barang kawalan telah bertambah menjadi lapan belas, iaitu tepung gandum, minyak masak, baja, ubat serangga dan cuka getah (ditambah pada 28 Jun, 1973), bar bulat keluli lembut (28 Jun 1973), minyak tanah (7 Mac

1974), ikan sardin (7 Mac 1974), petrol, disel dan gas petroleum cecair (31 Oktober 1974), semua jenis roti (8 Julai 1976) dan minyak bahan api (15 Mei 1980).

Di samping itu, Peraturan-peraturan (Memindahkan Kayu Getah) Kawalan Perbekalan 1967, iaitu undang-undang subsidiari di bawah Akta ini terus dilaksanakan. Tujuan peraturan-peraturan ini dibuat ialah untuk mengawal pemindahan kayu getah keluar dari negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

### **Akta Sewa Beli 1967**

Dalam tahun 1977, setelah pindaan dibuat ke atas Akta Sewa Beli, 1967 dengan memasukkan beberapa peruntukan kesalahan jenayah, Bahagian Penguatkuasa telah diarahkan menguatkuasakan Akta tersebut. Tujuan Akta ini ialah untuk menyelaraskan aktiviti urusan barang-barang secara sewa beli. Sebanyak empat jenis barang tertakluk di bawah Akta ini pada masa dahulu. Sekarang barang-barang yang tertakluk di bawah Akta Sewa Beli ialah tiga belas. Barang-barang tersebut adalah seperti berikut:-

1. Kenderaan bermotor seperti kenderaan orang cacat, motosikal, kereta termasuk teksi dan kereta sewa, kenderaan pengangkutan (tidak melebihi 50 cwts)
2. Set radio, televisyen, pita rakaman dan yang seumpamanya.
3. Peti sejuk, bilik sejuk-beku dan seumpama dengannya.
4. Mesin jahit selain yang digunakan untuk tujuan industri.
5. Mesin basuh
6. Penyedut hampagas
7. Unit alat hawa dingin selain daripada yang digunakan untuk tujuan industri
8. Dapur gas dan elektrik dan ketuhar
9. Pita video dan alat perakam
10. Mesin taip
11. Organ dan piano
12. Mesin fotostat dan pendua
13. Sistem Hi-Fi.

### **Akta Perihal Dagangan 1972**

Pada 3 November, 1972, Akta Perihal Dagangan 1972 mula berkuatkuasa dan diserahkan kepada Bahagian Penguatkuasa untuk melaksanakannya. Tujuan Akta ini ialah untuk mengawasi salah perihal mengenai barang-barang dan harga dalam perdagangan dan perniagaan, khususnya mencegah pengedaran barang-barang tiruan.

Pada awal tahun 1974, bekalan barang perlu telah didapati berkurangan dalam pasaran dan orang ramai sukar mendapatkannya. Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan telah melancarkan 'Kempen Anti Sorok' pada 1 Mac, 1974 untuk mencegah penyorokan barang-barang perlu. Bahagian Penguatkuasa diberi tanggungjawab melaksanakannya. Kesemua barang-barang yang diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 adalah terlibat dalam 'Kempen Anti Sorok' ini.



Sebagai langkah memperkemaskan lagi 'Kempen Anti Sorok' dan memudahkan penguatkuasaannya, peniaga beberapa barang kawalan telah diwajibkan memiliki lesen mulai 22 Mac, 1974 melalui Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan, 1974. Barang-barang yang diperlukan lesen dibawah peraturan ini dikenali sebagai barang-barang berjadual iaitu gula, tepung gandum, minyak masak, baja dan minyak tanah. Barang-barang ini sekarang menjadi sepuluh, apabila petrol dan disel ditambah pada 3 Julai 1975, bar bulat keluli lembut (11 September 1975), simen (15 September 1977) dan gas petroleum cecair (29 November 1979).

### **Akta Timbang dan Sukat 1972**

Peruntukan Akta Timbang dan Sukat, 1972 dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1981 dan berkuatkuasa sepenuhnya dalam tahun 1984. Semua hal ehwal pentadbiran dan penguatkuasa Akta tersebut diserahkan kepada Bahagian Penguatkuasa. Ini bermakna semua Undang-undang Timbang Dan Sukat Negeri-negeri di seluruh negara telah dimansuhkan dan tanggungjawab Kerajaan Negeri berkaitan dengan timbang dan sukat berpindah kepada Bahagian Penguatkuasa. Bahagian Metrik, satu Bahagian dalam Kementerian yang ditugaskan khusus untuk melaksanakan Akta ini telah juga diserapkan ke dalam Bahagian Penguatkuasa mulai 1 Januari, 1985. Tujuan Akta ini ialah untuk memastikan semua urusniaga yang menggunakan timbang dan sukatan dilakukan dalam sistem metrik dan alat-alat timbang dan sukatan yang digunakan adalah tepat dan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Akta-akta dan Undang-undang Kecil yang tersebut di atas telah mengalami beberapa pindaan dari semasa ke semasa. Selain daripada Akta-akta dan Undang-undang subsidiari yang disebutkan di atas, beberapa undang-undang subsidiari lain telah diwujudkan sejak Bahagian Penguatkuasa ditubuhkan seperti berikut:-

1. Perintah Kawalan Harga (Pelabelan oleh Pengilang, Pengimport, Pengeluar Atau Penjual Borong) 1979. Perintah ini telah dibatalkan dan diganti dengan Perintah Kawalan Harga (Pelabelan oleh Pengilang, Pengimport, Pengeluar Atau Penjual Borong) 1980.
2. Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan Halal) 1975.
3. Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975.
4. Perintah Perihal Dagangan (Amaran Bahaya Merokok) 1977.
5. Peraturan-Peraturan Sewa Beli (Pengambilan Semula Milik Dan Penyenggaraan Rekod-Rekod oleh Pemunya) 1976.
6. Peraturan-peraturan Timbang Dan Sukatan (Kewajipan Dan Kuasa Penyimpan) 1981.
7. Perintah-perintah Timbang Dan Sukat (Pengecualian) 1980.
8. Peraturan-peraturan Timbang Dan Sukat, 1981.
9. Perintah Bentuk Atau Penentuan Bagi Timbang Atau Sukat Atau Alat Timbang Atau Sukat 1981.

Dengan bertambahnya undang-undang yang dipertanggungjawabkan kepada Bahagian

Penguatkuasa dan beberapa tugas baru yang lain, fungsi Bahagian Penguatkuasa juga telah disesuaikan mengikut tanggungjawab yang dilaksanakan. Oleh itu, daripada objektif asalnya untuk mengawasi harga dan bekalan barang-barang perlu, objektif Bahagian Penguatkuasa pada masa sekarang ialah:-

1. Menentukan bekalan barang-barang mencukupi dan boleh diperolehi dengan harga yang berpatutan dalam setiap keadaan masa (termasuk dalam keadaan darurat).
2. Menentukan supaya amalan perdagangan di negara berjalan dengan sihat dengan membasmi dan mencegah eksploitasi dan penyelewengan dalam perdagangan seperti penyorokan barang-barang kawalan, pengambilan keuntungan yang berlebihan, penyelewengan dalam urusan niaga sewa beli dan penipuan di dalam timbangan dan sukatan.
3. Memastikan semua perjalanan urusan niaga yang menggunakan perkiraan timbangan dan sukatan dilaksanakan di dalam sistem SI (Sistem Metrik) sahaja.

## **BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN**

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan adalah bertanggungjawab ke atas semua perkara berkaitan dengan pengurusan kakitangan, perjawatan, kewangan dan pentadbiran Kementerian termasuk pejabat pejabat cawangan di seluruh Malaysia dan pejabat-pejabat perdagangan di luar negeri. Bermula dari tahun 1981, Bahagian ini bertanggungjawab terhadap penyelarasan fungsi di Kementerian; dan pentadbiran dan pengurusan kewangan pejabat-pejabat perdagangan Malaysia di luar negeri yang mana sebelum ini adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Perdagangan Antarabangsa.

Bahagian ini juga berperanan menyelar beberapa aktiviti Kementerian seperti hal ehwal Kabinet dan Parlimen, penyediaan dan pemeriksaan belanjawan tahunan dan lain-lain. Ia juga mengawal perbelanjaan Badan-badan Berkanun yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian iaitu Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Pusat Daya Pengeluaran Negara (NPC), Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC), Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS).

Bahagian ini bergerak di bawah beberapa Unit iaitu:

1. Perpustakaan
2. Unit Perangkaan
3. Unit Perkhidmatan Pengurusan
4. Unit Perhubungan Awam
5. Unit Perkhidmatan Perundangan

## **BAHAGIAN PENYERTAAN BUMIPUTERA (BPG)**

Bahagian ini asalnya diwujudkan sebagai sebuah unit di Bahagian Perindustrian pada bulan Mei 1973. Unit ini ditingkatkan menjadi sebuah Bahagian pada bulan September 1984 memandangkan peranan dan bidang telah bertambah, khususnya berkaitan dengan syarat Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, di mana syarikat-syarikat pengeluar utama hendaklah melantik pengedar-pengedar bumiputera untuk mengedar sekurang-kurangnya

30% daripada jualanannya di pasaran dalam negeri. Pemilihan dan perlantikan pengedar-pengedar bumiputera hendaklah dilakukan selepas perundingan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Objektif Bahagian Penyertaan Bumiputera adalah untuk menggalak, dan memastikan pencapaian 30 peratus penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian, selaras dengan matlamat "Susun Semula Masyarakat" seperti yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Pada masa ini tugas-tugas Bahagian ini adalah ditumpukan kepada menggiat serta meningkatkan lagi penyertaan bumiputera di bidang 'distributive trade' dan perkhidmatan. Ini adalah dilaksanakan seperti berikut:-

1. Merancang strategi dan program Kementerian yang berkaitan dengan penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian.
2. Menyusul pelaksanaan program Kementerian berkaitan dengan penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian yang dilaksanakan oleh semua Bahagian.
3. Mengawas dan menentukan serta berusaha bagaimana syarikat-syarikat pengeluar dan perdagangan dapat membantu bumiputera menyertai bidang pengedaran dan perkhidmatan yang diperlukan serta membantu dan menggalakkan bumiputera mengambil peluang-peluang ini.
4. Mengawas kemajuan dan perkembangan syarikat-syarikat dan perniagaan bumiputera yang telah mendapat peluang-peluang perniagaan. Ini termasuk:-
  - 4.1 kemudahan-kemudahan yang diberi oleh syarikat pengeluar/pengilang seperti kemudahan kredit, diskaun, latihan dan syarat-syarat perlantikan.
  - 4.2 Mengkaji masalah-masalah yang dihadapi dan membantu menyelesaikannya.
  - 4.3 Memastikan kedudukan syarikat dari segi ekuiti, keahlian Lembaga Pengarah dan gunatenaga supaya menjamin kesahihan taraf bumiputera.

Menjalankan kajian-kajian bagi mengenalpasti peluang-peluang dalam bidang pengedaran, perkhidmatan dan perdagangan yang mana penyertaan bumiputera masih berkurangan tetapi mempunyai potensi yang baik untuk bumiputera menceburinya.

5. Memberi khidmat nasihat kepada usahawan-usahawan dan bakal-bakal usahawan bumiputera dalam bidang-bidang pengedaran, perkhidmatan dan perdagangan.
6. Bekerjasama dan berhubung rapat dengan lain-lain agensi Kerajaan Pusat dan Negeri serta pihak swasta bagi menyelaras dan memesatkan usaha meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perkhidmatan.
7. Menentukan bidang-bidang latihan yang diperlukan oleh usahawan bumiputera dan bekerjasama dengan pihak-pihak tertentu yang sedia ada menyediakan peluang-peluang latihan berkenaan.
8. Mengumpul maklumat dan data mengenai penyertaan bumiputera di bidang pengedaran, perkhidmatan dan perdagangan untuk kemudahan rujukan semua pihak

yang memerlukan khususnya untuk tujuan mengukur kemajuan penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan.

9. Menyebarluaskan maklumat mengenai peluang-peluang penyertaan bumiputera dalam sektor perdagangan dan perkhidmatan menerusi majlis-majlis dialog, ceramah dan forum yang dianjurkan oleh badan-badan tertentu yang ada kaitan dengan usaha meningkatkan penyertaan bumiputera.
10. Mendaftar syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan bumiputera yang hendak dilantik sebagai pengedar dan menawar perkhidmatan kepada syarikat-syarikat pengilang.

Secara ringkasnya, bidang tugas adalah merangkumi perkara-perkara berikut:

1. Perlantikan pengedar
2. Pendaftaran
3. Bantuan dan khidmat nasihat
4. Mengenalpasti peluang
5. Susulan
6. Kajian tahunan

### **Perlantikan Pengedar**

Permohonan-permohonan adalah diterima daripada syarikat/usahawan bumiputera untuk mengedar barang-barang keluaran pengeluaran-pengeluar tempatan, khususnya pengeluaran-pengeluar yang mempunyai Lesen Pengilang. Adalah dianggarkan bahawa BPB menerima antara 1,000 – 1,500 permohonan adalah disiasat.

### **Pendaftaran**

Syarikat-syarikat/usahawan bumiputera yang bertujuan/berminat untuk mengedar keluaran pekilang dan/atau menawarkan perkhidmatan kepada pihak swasta perlu berdaftar dengan BPB. Tujuan pendaftaran adalah untuk:

1. memastikan taraf 'kebumiputeraan' syarikat-syarikat tersebut.
2. menyokong permohonan syarikat kepada pengeluaran/pekilang.
3. menyimpan maklumat/data mengenai syarikat-syarikat.
4. memudahkan penyebaran peluang-peluang perniagaan.

### **Bantuan dan Khidmat Nasihat**

Bakal-bakal usahawan dan syarikat-syarikat bumiputera yang sedang berniaga, dan juga orang perseorangan diberi perkhidmatan nasihat oleh unit-unit, bergantung kepada bidang-bidang yang diminati. Pertanyaan-pertanyaan meliputi pelbagai bidang. Adalah dianggarkan bahawa Bahagian ini menerima tidak kurang daripada tiga puluh pertanyaan seminggu. Bagi syarikat-syarikat bumiputera yang sedang menjalankan perniagaan tetapi kadangkala menghadapi masalah, BPB membantu mereka menyelesaikan masalah dengan pekilang/pengeluar ataupun dengan badan-badan Kerajaan dan industri-industri kewangan.

### **Mengenalpasti peluang**

Bahagian ini mengadakan perundingan dengan pengilang-pengilang/pengeluar bagi tujuan mengenalpasti peluang-peluang pengedaran dan perkhidmatan yang boleh diceburi oleh syarikat-syarikat bumiputera. Pada masa yang sama Bahagian ini juga membantu syarikat-syarikat utama memenuhi syarat 30% seperti yang terkandung dalam Lesen Pengilang.

### **Susulan**

Tugas ini adalah bertujuan memastikan syarikat-syarikat yang telah dilantik menjadi pengedar atau pembekal perkhidmatan, berjaya dalam urusan perniagaan mereka. Di mana masalah timbul, semua pihak adalah dibawa ke meja perundingan untuk penyelesaian. BPB juga mewujudkan program dan skim bagi meningkat volume jualan dan prestasi pengedar pada seluruhnya.

### **Kajian Tahunan**

Kajian ini dijalankan setiap tahun, bertujuan menentukan prestasi penyertaan syarikat-syarikat bumiputera yang telah dilantik menjadi pengedar.

## **BAHAGIAN METRIK**

Bahagian Metrik ditubuhkan pada awal tahun 1975 bertujuan untuk merancang, menyelaraskan dan melicinkan penukaran kepada sistem metrik di dalam sukat dan timbang di peringkat nasional.

Tugas-tugas bahagian ini ialah:

1. Memberi khidmat dan menyelaraskan aktiviti Jawatankuasa Penasihat Metrik, jawatankuasa-jawatankuasa kecil dan jawatankuasa kerja yang berkaitan.
2. Membantu dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan serta juga badan swasta yang berkaitan dengan kerja-kerja merancang dan melaksanakan sistem metrik.
3. Mengadakan perhubungan rapat dengan Lembaga-lembaga atau Badan-badan sepertinya di luar negeri.
4. Mengesyorkan langkah-langkah bagi memudahkan penukaran dari sistem yang ada sekarang bagi sukat dan timbang.
5. Mengesan maklumat berkenaan dengan metrik kepada orang awam melalui berbagai penerbitan dan media massa.

## **BAHAGIAN HAL EHWAL PENGGUNA**

Ditubuhkan pada 14 Julai 1973 sebagai urusetia kepada Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan (MPPPK) dan diletakkan di bawah Bahagian Perdagangan Dalam Negeri. Keanggotaannya adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dari Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, Bahagian Penyelidikan, Penerangan dan Penyelarasan, Bahagian Penguatkuasa dan Pegawai Perhubungan Awam Kementerian. Pada 1976 ditukarkan nama kepada Unit Hal Ehwal Pengguna. Pada 1977 unit ini telah dinaikkan taraf kepada Bahagian Hal Ehwal Pengguna (BHEP) iaitu berasingan daripada Bahagian Perdagangan Dalam Negeri.

Objektif BHEP ialah untuk menimbul dan meningkatkan lagi tahap kesedaran kepenggunaan di kalangan masyarakat dan memastikan hak-hak mereka sentiasa dilindungi.

Di dalam usaha untuk pembangunan pergerakan pengguna, Bahagian ini telah menjalankan beberapa program antaranya ialah seperti berikut:-

1. Memberi bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan pengguna negeri supaya mereka dapat bergerak.
2. Mengadakan program-program seminar, langkah, ceramah dan pameran kepenggunaan kepada masyarakat.
3. Menerbitkan risalah-risalah, poster-poster mengenai kepenggunaan kepada orang ramai.

### **Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan**

Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan (MPPPK) telah ditubuhkan pada 14 Julai 1973 dan penubuhannya telah dirasmikan oleh Y.B. Encik Musa Hitam, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian di Wisma Damansara. Majlis ini ditubuhkan mengikut Seksyen 3, Akta Kawalan Harga (Pindaan) 1974 (Akta A-222).

Tujuan Majlis ini ditubuhkan ialah untuk memberi nasihat kepada Menteri Perdagangan dalam perkara-perkara berikut [seperti diperuntukkan di dalam Akta Kawalan Harga (Pindaan) 1974]:

1. Menetapkan atau mengawal harga sesuatu barang.
2. Meletakkan tanda atau label ke atas sesuatu barang tanda diwajibkan oleh sesuatu perintah yang dibuat di bawah Seksyen 13(1) akta tersebut.
3. Menyelenggarakan stokpail atau simpanan bagi sesuatu barang dengan tujuan untuk menstabilkan harganya.
4. Lain-lain perkara yang mungkin dirujuk kepada oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian supaya akta ini dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna dan berkesan.

Ahli-ahli Majlis adalah dilantik oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian seperti peruntukan kuasa yang terkandung di dalam Akta Kawalan Harga (pindaan) 1974. Setiap perlantikan adalah dibuat setiap dua tahun sekali. Keanggotaan Majlis adalah terdiri daripada berbagai golongan 'profession' iaitu dari sektor-sektor perniagaan, akademik, kesatuan pekerja, pertubuhan-pertubuhan sukarela, pengguna dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan bidang kepenggunaan.

Pengerusi MPPPK adalah dipilih dan dilantik oleh Y.B. Menteri. Mesyuarat pertama Majlis telah diadakan pada 14 Julai 1973. Dalam mesyuarat ini Majlis telah bersetuju untuk mengadakan 4 kali mesyuarat dalam masa setahun atau mengikut keperluan. Untuk membolehkan Majlis melaksanakan tugasnya dengan lebih berkesan, Majlis telah menubuhkan tiga buah panel iaitu:

1. Panel 'A'
  - Bertanggungjawab mengenai penyelidikan dan perancangan.
2. Panel 'B'
  - Bertanggungjawab tentang penguatkuasaan dan undang-undang mengenai perlindungan pengguna.
3. Panel 'C'
  - Bertanggungjawab tentang Seranta dan Pembangunan.

Panel-panel ini mengadakan mesyuaratnya yang berasingan dan jumlah mesyuarat panel ialah antara 8 – 12 kali dalam setahun. Pada sesi-sesi yang kebelakangan dan sehingga kini, panel-panel ini telah diubahsuai dari segi bilangan, nama dan fungsinya iaitu kepada empat buah pasukan petugas seperti berikut:-

1. Pasukan Petugas Pendidikan Pengguna;
2. Pasukan Petugas Penyelidikan Mutu, Keselamatan Barangan dan Perkhidmatan;
3. Pasukan Petugas Amalan Perniagaan; dan
4. Pasukan Petugas Undang-undang dan Kod Etika.

Sebagai sebuah badan penasihat, Majlis ini telah membincangkan pelbagai perkara yang melibatkan kepentingan pengguna iaitu meliputi harga, kawalan, kualiti, keselamatan dan piawaian barangan dan perkhidmatan; perundangan perlindungan pengguna; amalan perniagaan; gerakan pengguna dan pendidikan pengguna.

Antara perkara-perkara penting yang dihasilkan atas nasihat Majlis ialah seperti berikut:-

1. Pindaan kepada Akta Kawalan Bekalan dan Akta Kawalan Harga iaitu satu peraturan bagi menguatkuasakan undang-undang tanda harga dan mengawal beberapa jenis barangan perlu;
2. Penetapan kadar pertukaran matawang bagi buku-buku import dari Amerika Syarikat, Australia, India, New Zealand, Hong Kong dan Indonesia.
3. Mutu barang-barang keluaran kilang.
4. Penyamaan sistem timbang dan sukat dan termasuk pengharaman.
5. Menggesa supaya diadakan perjanjian jual beli rumah yang standard.
6. Menerbitkan buku Etika Amalan Perniagaan.

## **BAHAGIAN PERUSAHAAN KECIL**

Bahagian ini ditubuhkan pada 1 Mei 1981 dan mula beroperasi pada 16 Jun 1981. Bahagian ini bertanggungjawab menyelaras perancangan dan pelaksanaan dasar-dasar, strategi-strategi dan program-program pembangunan perusahaan kecil di negara ini secara lebih menyeluruh dan teratur ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

## **BAHAGIAN PERKHIDMATAN KOMPUTER**

Bahagian ini diwujudkan bagi memperlengkapkan keupayaan Kementerian dalam bidang mengkomputerisasi operasi-operasi di beberapa bahagian dan badan berkenaan di Kementerian, memperkemaskan lagi proses menyimpan rekod dan mengurangkan tenaga kerja perkeranian di samping dapat menyediakan maklumat-maklumat yang kemaskini kepada pihak pengurusan.



## **PEJABAT PENDAFTARAN CAP DAGANGAN DAN JAMINHAK (PATEN)**

Pejabat Pendaftaran Cap Dagangan dan Jaminhak (Paten) adalah bertanggungjawab melaksanakan dua fungsi yang berlainan iaitu memberi perlindungan kepada tuannya cap dagangan melalui pendaftaran cap dagangan dan perlindungan paten kepada pencipta-pencipta.

Pejabat ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian:

1. Pejabat Cap Dagangan
2. Pejabat Jaminhak (Paten)

### **Pejabat Cap Dagangan**

Sebelum berkuatkuasanya Akta Cap Dagangan 1976, sistem pendaftaran cap dagangan melibatkan penyenggaraan tiga daftar yang berlainan iaitu pendaftaran Sarawak yang dikendalikan di Pejabat Sarawak dan Pendaftaran Malaya dan Sabah dikendalikan di Ibu Pejabat Kuala Lumpur.

Sistem pendaftaran adalah tertakluk dibawah:

1. Ordinan Cap Dagangan No. 26 Tahun 1950 dan kaedah-kaedah Cap Dagangan 1951.
2. Ordinan Cap Dagangan Sabah 1949 dan kaedah-kaedah Cap Dagangan Bab 142.
3. Ordinan Cap Dagangan Sarawak 1957 Bab 62.

Pejabat Cap Dagangan dan Jaminhak mula beroperasi di Singapura. Pada tahun 1961 pejabat ini dipindahkan di Bangunan Mahkamah, Clark Street, Kuala Lumpur. Selepas itu dipindahkan di Bukit Mahkamah, Kuala Lumpur pada tahun 1974 dan seterusnya di Bangunan Yee Seng, Kuala Lumpur pada tahun 1973. Pada tahun 1978, pejabat ini dipindahkan pula ke Bangunan Komplek Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Mulai 1 September, 1983 dengan berkuatkuasanya Akta Cap Dagangan 1976 dan Peraturan-peraturan Cap Dagangan 1983, satu sistem pendaftaran pusat cap-cap dagangan meliputi seluruh Malaysia telah dipraktikkan dan pejabat-pejabat Cap Dagangan di Sabah dan Sarawak dijadikan pejabat-pejabat Cawangan.

Dengan penguatkuasa Akta ini beberapa Pindaan telah dibuat antaranya:

1. Perlantikan Pendaftar Cap Dagangan adalah oleh Menteri dan bukan Yang di Pertuan Agong.
2. Peruntukan yang membenarkan pemohon mempunyai pendaftaran dan perlindungan di Singapura dimansuhkan.
3. Peruntukan yang mewajibkan pemohon tempatan dan luar negeri mendaftar cap dagangan di United Kingdom bagi barangan kelas 23 ('yarn', benang) dan kelas 24 (tisu, cadar dan tutup meja dan barang-barang tekstil) digugurkan.

4. Penggunaan blok kayu bagi mengiklankan cap dagangan telah digantikan dengan 'artwork'.
5. Borang-borang cap dagangan juga telah dikurangkan untuk mengemaskini prosedur cap dagangan.

Objektif pejabat ini adalah untuk memberikan hak milik cap dagangan melalui pendaftaran yang sah dan berkesan.

Pejabat Pendaftaran Cap Dagangan adalah bertanggungjawab mentadbirkan undang-undang berikut:

Akta Cap Dagangan 1976

Peraturan-peraturan Cap Dagangan 1983

Fungsi Pejabat Pendaftaran Cap Dagangan menerima, memproses dan memeriksa permohonan-permohonan cap dagangan dan tertakluk kepada mematuhi kehendak-kehendak akta, memberi hak-hak harta perindustrian dan perlindungan kepada cap-cap dagangan yang distinktif.

Tugas lain ialah memberi perlindungan kepada sektor-sektor perdagangan daripada persaingan yang tidak adil.

#### **Pejabat Pendaftaran Jaminhak (Paten)**

Perlindungan paten sebelum 1 Oktober, 1986 dibuat berasingan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia, di bawah peraturan-peraturan berikut:

1. The Registration of United Kingdom Patents Ordinance 1951.
2. The Patents Ordinance of Sarawak
3. The Registration of United Kingdom Patents Ordinance of Sabah
4. The Patents (Rights of Government) Act 1967.

Permohonan perlu difailkan dalam tempoh tiga tahun dari tarikh pemberian paten United Kingdom, dan pejabat ini cuma berfungsi sebagai mendaftar semula (re-registration) pemberian paten United Kingdom sahaja. Sesebuah paten yang didaftarkan dibawah Ordinan-ordinan tersebut hendaklah masih sah di United Kingdom.

Pejabat Pendaftaran Paten telah dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan Akta Paten dan Peraturan-peraturan Paten, dengan mengadakan suatu sistem perundangan, pentadbiran yang infrastruktur yang dapat mencapai matlamat sistem paten yang berkesan serta menggalakkan pemindahan teknologi melalui perkembangan inovasi dan penciptaan tempatan yang dapat berganding dalam pembangunan industri-industri tempatan.

Justeru itu, menggalakkan lebih banyak pelaburan dengan memberi perlindungan yang sewajarnya kepada pelabur-pelabur tempatan maupun asing dalam bidang harta perindustrian.

## PEJABAT PENDAFTARAN SYARIKAT

Pejabat Pendaftaran Syarikat pada asalnya wujud bersama-sama dengan Jabatan Pegawai Penerima, Pendaftaran Pertubuhan dan Pendaftaran Kesatuan Sekerja. Apabila bilangan syarikat-syarikat yang didaftarkan di bawah Ordinan Syarikat-syarikat 1940–1948 meningkat, satu keputusan telah dibuat bagi memisahkan Bahagian Pendaftaran Syarikat dan dijadikan satu Bahagian di dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dari tahun 1963 hingga sekarang.

Fungsi utama Pejabat Pendaftaran Syarikat ialah untuk mentadbir dan menguatkuasakan Akta-akta berikut:

1. Akta Syarikat 1965 dan peraturan-peraturan Syarikat 1966;
2. Akta Syarikat Amanah 1949; dan
3. Akta Perindustrian Sekuriti 1973 dan peraturan sekuriti 1976.

Akta Syarikat 1965 diadakan bagi mengawas perjalanan syarikat-syarikat yang diperbadankan di bawahnya. Ianya bertujuan membolehkan pengusaha-pengusaha menubuhkan bentuk-bentuk perbadanan yang mempunyai status undang-undang yang berlainan daripada ahli-ahlinya. Akta ini di antara lain, menetapkan prosedur bagi menubuhkan sebuah syarikat perlembagaan, hubungan dengan ahli saham dan penagih hutang serta pentadbiran dan pembubarannya. Pentadbiran akta ini juga melibatkan pengeluaran sijil-sijil perakuan perbadanan syarikat-syarikat.

Akta Perusahaan Sekuriti 1973 mengawal perniagaan dalam perusahaan sekuriti dan menetapkan denda-denda keatas broker-broker yang melakukan kesalahan-kesalahan yang bersabit dengan urusan sekuriti. Pentadbirannya melibatkan pengeluaran lesen-lesen kepada mereka yang berniaga sekuriti.

Pejabat Pendaftaran Syarikat juga menguatkuasakan Akta Syarikat Amanah 1949 (disemak 1973); Akta Wang Tak Dituntut 1965 dan Akta (larangan) Kumpulan Wang Koutu 1971. Akta Syarikat Amanah 1949 pula digubal bagi mengawasi kegiatan syarikat-syarikat yang memberi perkhidmatan amanah.

Objektif Pejabat Pendaftaran Syarikat ialah:

1. Untuk menjamin peruntukan-peruntukan akta-akta yang ditadbir dipatuhi dengan sepenuhnya;
2. Memenuhi kehendak-kehendak orang awam mendapatkan maklumat-maklumat mengenai syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965;
3. Menjamin urusan jual beli saham dijalankan dalam pasaran yang sihat;
4. Mencegah perbuatan-perbuatan yang dilarang di bawah undang-undang yang ditadbir;
5. Memberi perlindungan kepada pelabur-pelabur dan para pemiutang; dan
6. Memastikan undang-undang yang ditadbir berkembang sejajar dengan perlembagaan sektor korporat.

Dalam melaksanakan tugas-tugasnya pejabat ini juga bekerja rapat dengan Jawatankuasa-jawatankuasa Pelaburan Asing, Jawatankuasa Pengeluaran Modal, 'Kuala Lumpur Stock Exchange' dan Bahagian Jenayah Perdagangan di Jabatan Polis. Bahagian ini juga mempunyai cawangan-cawangannya di Kota Kinabalu, Kuching, Johor Bahru, Pulau Pinang dan Kota Bharu.

## PEJABAT PENDAFTARAN PERNIAGAAN

Dalam tahun 1947 Pejabat Pendaftaran Perniagaan diwujudkan sebagai salah satu unit kecil di dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. Ianya kemudian berkembang menjadi satu bahagian di Jabatan tersebut dan dinamakan sebagai Pejabat Pendaftaran Perniagaan. Sejak pengwujudannya, Pejabat ini beroperasi di Bangunan Sulaiman, Kuala Lumpur. Dalam tahun 1962, Pejabat ini telah berpindah ke satu bangunan lain iaitu di Bangunan Koperasi Polis juga di pusat bandar Kuala Lumpur. Pada awal tahun 1970an, Unit Penyelarasan & Perlaksanaan di Jabatan Perdana Menteri mendapati bahawa Pejabat Pendaftaran Perniagaan mempunyai rekod-rekod yang berguna bagi merancang penyusunan semula masyarakat dan membasmi kemiskinan sejajar dengan objektif dan semangat Dasar Ekonomi Baru. Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, Unit tersebut seterusnya telah memperakukan kepada Kerajaan supaya Pejabat Pendaftaran Perniagaan diperbesarkan dan diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Cadangan itu telah dipersetujui oleh Kerajaan dan Pejabat Pendaftaran Perniagaan mula menjadi sebahagian daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada bulan Mac, 1973. Pejabat ini telah sekali lagi berpindah ke Komplek Pejabat-pejabat Kerajaan di Jalan Duta bersama-sama dengan bahagian-bahagian lain di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Setelah menjadi sebahagian daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam tahun 1973, Pejabat Pendaftaran Perniagaan telah berkembang dan membuka pejabat-pejabat kawangan seperti berikut:-

1. Johor Bahru — 1 Januari 1976
2. Alor Setar — 1 Oktober 1977
3. Kota Bharu — 1 Ogos 1978
4. Ipoh — 26 Julai 1982

Sejak pengwujudannya iaitu pada tahun 1947, undang-undang yang dikuatkuasakan adalah "Registration of Businesses Names Ordinance 1947". Undang-undang ini kemudiannya telah dibatalkan pada tahun 1953 dan digantikan dengan Ordinan baru atas nama "Registration of Businesses and Licencing Ordinance 1953". Pada masa itu perniagaan hanya dikehendaki mendaftar sekali sahaja dan bayaran pendaftaran yang dikenakan mengikut di mana perniagaan itu dijalankan iaitu samada di bandar atau di luar bandar.

Selepas itu pada tahun 1956, Undang-undang ini dipinda sekali lagi dan dinamakan "Registration of Businesses Ordinance No. 47/1956." Pada masa ini perniagaan dikehendaki mendaftar sekali sahaja dan pembaharuan dibuat tiga (3) tahun sekali dengan bayaran \$5.00 sahaja. Kemudian pada bulan April, 1967 sedikit pindaan telah dibuat kepaada Undang-undang itu berkaitan dengan bayaran pendaftaran dan bayaran pembaharuan Sijil Akaun. Bayaran pendaftaran telah dinaikkan dari \$5.00 kepada \$25.00 dan \$5.00 (untuk perniagaan milik tunggal dan perkongsian). Bayaran pembaharuan adalah \$25.00 setahun.

Berkuatkuasa pada bulan Januari, 1978, ordinan telah disemak semula dan namanya diubah kepada "Registration of Businesses Act, 1956 (Revised 1978)".

Objektif Pejabat ini ialah untuk menguatkuasakan:

1. Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (pindaan 1978) dan
2. Kaedah-kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957.

Fungsi utama pejabat ini ialah:

1. Mendaftarkan semua perniagaan yang berbentuk tunggal dan perkongsian seperti mana dikehendaki oleh Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (pindaan 1957) dan kaedah-kaedah Pendaftaran 1957;
2. Mendaftarkan segala perusahaan yang berlaku dalam perniagaan yang berdaftar;
3. Mengeluarkan Sijil-sijil Akaun Pendaftaran;
4. Mendaftarkan segala penamatan perniagaan; dan
5. Memberi maklumat mengenai perniagaan-perniagaan yang berdaftar kepada lain-lain Jabatan Kerajaan dan agensi apabila diperlukan.

## **LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA)**

Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah ditubuhkan pada 4 Mac, 1967. Pada ketika itu, Lembaga dikenali dengan nama Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (Federal Industrial Development Authority – FIDA)

FIDA ditubuhkan di bawah Seksyen 2 (3) Akta (Penubuhan) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan 1965.

Pejabat pertama FIDA ketika memulakan operasi pada tahun 1967 adalah di Bangunan Kerjasama Polis, Kuala Lumpur yang kemudiannya berpindah ke Tingkat 9 – 11, Bangunan Bank Bumiputera, Jalan Melaka, Kuala Lumpur dan di Tingkat 3, Bangunan Hwa Li di Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada tahun 1968.

Fungsi FIDA ditubuhkan adalah sebagai sebuah badan autonomi untuk menggalak dan mempercepatkan pembangunan perindustrian. Peranan FIDA adalah seperti berikut:-

1. Menyelaraskan rancangan perusahaan kerajaan dengan rancangan sektor persendirian/swasta.
2. Menyelaraskan kemajuan perusahaan di negeri-negeri.
3. Penganjuran pelaburan yang giat
4. Meningkatkan pelbagai aspek perusahaan yang ada pada masa itu.
5. Penganjuran perusahaan tambahan.
6. Kajian mengenai galakan-galakan bagi perusahaan eksport.
7. Kajian kemungkinan memajukan perusahaan-perusahaan bercantum.

Peranan-peranan di atas telah dilaksanakan oleh tujuh buah bahagian yang ditubuhkan di FIDA seperti berikut:-

1. Bahagian Anjuran/Perhubungan Awam
2. Bahagian Kemajuan Perusahaan Negeri-negeri
3. Bahagian Pentadbiran
4. Bahagian Perancangan Perusahaan
5. Bahagian Penyelidikan Perusahaan
6. Bahagian Penilaian Projek
7. Bahagian Perkhidmatan Teknik

Pada 1 Januari, 1971, pejabat FIDA berpindah ke Wisma Damansara dan di sini lanjutan aktiviti-aktiviti penggalakan dan penyelarasan perindustrian diteruskan sehingga kini.

Pada 1 Mac, 1979, nama FIDA telah ditukar kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian

Malaysia (MIDA) dengan pengwartaan Akta FIDA (Penukaran Nama dan Pindaan), 1979.

Fungsi-fungsi MIDA adalah untuk menggalak dan menyelaras pembangunan perindustrian di Malaysia. Di antara tugasnya termasuklah menilai permohonan untuk mendapatkan lesen pengilang di bawah Akta Penyelaras Perindustrian, 1975, dan galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986, serta memberi nasihat kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengenai penggubalan dasar-dasar yang berkaitan dengan penggalakan dan penyelaras perindustrian. Mengikut seksyen 5 di bawah Akta tersebut, Lembaga ini boleh:-

1. Menjalankan atau menyebabkan pengendalian kajian-kajian mungkinsuai ekonomi mengenai kemungkinan-kemungkinan perindustrian;
2. Menjalankan kerja-kerja menggalakkan perindustrian (samada di Malaysia atau di seberanglaut);
3. Memudahkan pertukaran maklumat dan penyelaras di antara institusi-institusi yang menjalankan atau yang terlibat dengan pembangunan perindustrian;
4. Mengesyorkan dasar mengenai pembangunan tapak perindustrian dan di .●ana dianggap sesuai, membangunkan tapak-tapak perindustrian;
5. Menilai permohonan untuk taraf perintis;
6. Melaporkan pada tiap-tiap tahun kepada Menteri mengenai kemajuan dan masalah perindustrian di Malaysia dan membuat syor-syor mengenai cara-cara bagaimana masalah itu dapat diselesaikan;
7. Pada amnya membuat semua perkara-perkara yang kena mengena atau menimbulkan kesan disebabkan pengendalian kuasa-kuasanya atau penyempurnaan tugas-tugasnya; dan
8. Menasihatkan kerajaan Persekutuan, samada atas daya usahanya sendiri atau bila dirujuk oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian atau Menteri Kewangan mengenai langkah-langkah perlindungan dan penggalakan industri, termasuk pengenaaan dan perubahan serta pengecualian daripada duti kastam dan cukai-cukai lain, dan perlesenan import dan eksport.

Ibu Pejabat Lembaga ini beroperasi di Kuala Lumpur. Lembaga juga mempunyai pejabat-pejabat di Malaysia dan di beberapa buah bandar utama di luar negeri.

Pejabat-Pejabat MIDA adalah seperti berikut:-

Pejabat-Pejabat MIDA Negeri	Tahun Penubuhan
1. Kota Kinabalu	1972
2. Kuantan	1972
3. Alor Setar	1973
4. Kota Bharu	1973
5. Kuching	1974



6. Ipoh	1975
7. Johor Bahru	1978
8. Kuala Terengganu	1981

Pejabat-pejabat Luar Negeri	Tahun Penubuhan
1. New York	1972
2. Tokyo	1973
3. London	1974
4. Paris	1976
5. Sydney	1976
6. Hong Kong	1976
7. Singapura	1978
8. Cologne	1980
9. Seoul	1982
10. Chicago	1982
11. Los Angeles	1982

Kegiatan-kegiatan Lembaga ini dijalankan oleh bahagian-bahagian berikut:

1. Bahagian Anjuran dan Perhubungan Awam
2. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
3. Bahagian Penilaian Projek
4. Bahagian Perusahaan Kejuruteraan
5. Bahagian Tarif
6. Bahagian Hal Ehwal Wilayah
7. Bahagian Susulan
8. Bahagian Penyelidikan Perusahaan
9. Unit Pusat

#### **BAHAGIAN ANJURAN DAN PERHUBUNGAN AWAM**

Objektif utama bahagian ini adalah untuk menggalakkan para pelabur menanam modal

Malaysia. Bahagian ini menyelenggarakan berbagai aktiviti galakan termasuk merancang dan melaksanakan strategi-strategi galakan pelaburan untuk industri tertentu, melayan sebarang pertanyaan mengenai pelaburan, memberi taklimat kepada pelabur tempatan dan asing dan menyebarkan maklumat kepada bakal-bakal usahawan di seluruh dunia.

Di peringkat antarabangsa, rombongan galakan pelaburan dihantar ke seberang laut bagi menemui bakal-bakal pelabur. Seminar dan persidangan mengenai pelaburan juga diadakan di negara-negara pengeksporth utama. Pusat-pusat galakan seberang laut juga ditubuhkan iaitu di New York, San Francisco, Tokyo, London, Paris, Sydney, Toronto, Cologne, Hong Kong, Bahrain, Singapura, Seoul, Osaka dan Zurich. Di peringkat tempatan usaha-usaha telah dijalankan bagi menguatkan pelaburan dalam negeri dengan mengadakan seminar pelaburan bagi membantu pelabur tempatan.

### **BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN**

Bahagian ini berusaha mengumpul maklumat, menyedia laporan, kertas kerja serta menimbang isu-isu yang berhubung dengan dasar, strategi dan langkah-langkah bagi menggalakkan kemajuan perusahaan di negara ini. Penyelidikan dijalankan meliputi berbagai aspek industrialisasi dan penilaian juga dibuat ke atas kemajuan dan prospek sektor perkilangan. Kajian ke atas peruntukan-peruntukan galakan cukai di bawah Akta Galakan Cukai 1968 juga diadakan bagi tujuan memperbaikinya dan menggalakkan pelaburan.

### **BAHAGIAN PENILAIAN PROJEK**

Bahagian ini bertanggungjawab menilai permohonan mendapatkan lesen perkilangan mengikut Akta Penyelarasan Perusahaan yang dikuatkuasakan pada bulan Mei 1976.

### **BAHAGIAN PERUSAHAAN KEJURUTERAAN**

Tugas bahagian ini adalah untuk memastikan pembangunan yang teratur dan sihat bagi perusahaan automatif, perusahaan besi, keluli dan kejuruteraan. Bahagian ini juga memberi khidmat sebagai urusetia kepada mesyuarat. Pemasang Kenderaan Bermotor. Selain dari itu ia juga memberi khidmat nasihat teknikal kepada para pengusaha terutama mereka yang menjalankan perusahaan kecil dan sederhana.

### **BAHAGIAN TARIF**

Bahagian ini memproses permohonan-permohonan untuk mendapatkan perlindungan tarif dan pengecualian duti kastam. Semakan semula perlindungan tarif/had mengimport yang dikenakan sering diadakan untuk menjamin agar perusahaan-perusahaan tempatan yang tidak menikmati perlindungan pada paras yang lebih tinggi atau jangkamasa yang lebih panjang dari yang diperlukan. Ia juga memberikan khidmat kepada Jawatankuasa Nasihat Khas mengenai tarif.

### **BAHAGIAN HAL EHWAL WILAYAH**

Bahagian ini bertanggungjawab ke atas hal-hal berkaitan dengan kemajuan pembangunan perusahaan di negeri-negeri. Tumpuan diberi kepada projek-projek bumiputera dan kedudukan berhubung dengan pembangunan kawasan perusahaan. Ia juga memberi nasihat

dan bantuan kepada semua Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kemajuan-kemajuan perusahaan dan perancangan dan pembangunan kawasan-kawasan perusahaan. Sehingga kini MIDA telah mempunyai lapan buah pejabat wilayahnya di Alor Setar, Ipoh, Kota Bharu, Kuantan, Kota Kinabalu, Kuching dan Johor Bahru.

#### **BAHAGIAN SUSULAN**

Bahagian ini bertanggungjawab memberi bantuan kepada syarikat-syarikat yang telah diluluskan untuk mengatasi masalah-masalah yang mungkin dihadapi dalam melaksanakan projek-projek mereka.

#### **BAHAGIAN PENYELIDIKAN PERUSAHAAN**

Objektif utama bahagian ini ialah untuk membantu para pelabur mengesan peluang-peluang pelaburan yang terdapat di negara ini. Ia menyediakan laporan mengenai projek-projek dan juga menjalankan kajian ke atas barangan yang mempunyai peluang untuk pasaran. Khidmat rundingan dan bantuan juga disediakan kepada para pelabur bumiputera, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan lain-lain institusi.

#### **UNIT PUSAT**

Unit ini diwujudkan pada tahun 1978 dan dikendalikan oleh pegawai-pegawai kanan Perbendaharaan, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, Jabatan Imigresen, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan Bahagian Perusahaan dan Dagangan Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Unit ini memberi nasihat, panduan dan pengesahan mengenai dasar-dasar dan peraturan-peraturan kepada para pelabur dan bakal-bakal pelabur dan menerima permohonan untuk mendapatkan kelulusan berhubung dengan perkara-perkara dalam pengawasan Kementerian dan Jabatan yang menganggotai Unit ini. Perhatian juga diberi kepada masalah-masalah yang dikemukakan oleh pelabur-pelabur.

## PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA

Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) adalah sebuah institusi Pengurusan dan Produktiviti. Ia ditubuhkan dalam tahun 1962 sebagai satu projek bersama oleh Kumpulan Wang Khas Bangsa-Bangsa Bersatu dan Kerajaan Persekutuan dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa sebagai pentadbirnya. Mengikut Rancangan Gerakan Projek itu, Pusat Daya Pengeluaran Negara akhirnya akan berkuasa sendiri.

Dalam tahun 1966 Akta Majlis Daya Pengeluaran Negara (memperbadankan) diluluskan oleh Parlimen dan Majlis menjadi sebuah badan yang berkuasa sendiri mulai daripada 1 Mac, 1966 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Akta 1975 (Akta A305 Tahun 1975) sejajar dengan perkembangan Pusat ini.

Pada tahun 1966, PDPN telah mula beroperasi dengan penubuhan 2 unit latihan iaitu Unit Kejuruteraan Perusahaan dan Unit Latihan Penyeliaan yang dikendalikan oleh 4 orang pakar luar negeri serta 3 orang pegawai PDPN. Unit Latihan Penyeliaan ini kemudiannya dikenali sebagai Unit Kemajuan Pengurusan.

Pegawai PDPN ketika itu terletak di Tingkat 6, Bangunan Kerajaan, Petaling Jaya. Sebanyak 5 buah kursus untuk 105 orang peserta telah dijalankan dalam tahun tersebut. Berikutan itu, PDPN telah menambah Unit Perhubungan Perusahaan, Jualan dan Pemasaran dan Perkhidmatan Industri Kecil/Ringan ke dalam aktiviti latihannya.

Pemintaan terhadap program Latihan PDPN adalah membanggakan. Bagi memenuhi permintaan yang meningkat, di samping menyusun semula dan menambah bilangan kakitangan, PDPN telah berpindah ke bangunan barunya yang berdekatan pada tahun 1970. Bangunan baru tersebut memberi kemudahan fizikal yang mencukupi bagi memenuhi kehendak aktiviti latihan yang semakin berkembang.

Selanjutnya dalam tahun 1973, Unit Perkhidmatan Bumiputera, Unit Pengurusan Perhotelan dan Pelancongan dan Unit Perakaunan Pengurusan telah ditubuhkan. PDPN seterusnya pada tahun 1975 telah mengembangkan sayapnya dengan penubuhan cawangannya di Kuantan yang dikenali sebagai Wilayah PDPN Pantai Timur untuk memenuhi permintaan perkhidmatan latihan negeri-negeri Pantai Timur.

Dalam jangkamasa satu dekad operasi yang pertama (1966 – 1976), PDPN telah mengendalikan 1,287 program latihan untuk 24, 476 orang peserta.

Pada tahun 1977, Wilayah PDPN Utara telah ditubuhkan di Pulau Pinang, diikuti oleh Wilayah PDPN Selatan di Johor Bahru pada tahun 1978, Wilayah PDPN Sarawak di Kuching pada tahun 1979 dan Wilayah PDPN Sabah di Kota Kinabalu pada tahun 1980.

Dalam jangkamasa ini, kekuatan kakitangan telah bertambah dua kali ganda dan kemudahan-kemudahan fizikal telah bertambah dengan pembesaran bangunan Blok D dan E. Kedua-dua penambahan tersebut telah mempercepatkan dan meneguhkan lagi aktiviti-aktiviti PDPN.

Aktiviti-aktiviti penyelidikan dan perundingan adalah termasuk peranan aktiviti yang penting di samping latihan sejak awal penubuhan PDPN. Sehingga akhir tahun 1980an, aktiviti-aktiviti tersebut telah meningkat akibat dari permintaan yang bertambah serta untuk keperluan PDPN di dalam menyokongi aktiviti latihannya.

Perkembangan yang paling menonjol berlaku pada permulaan tahun 1981 iaitu apabila PDPN menilai dan menyusun semula peranan utamanya sebagai Institusi Produktiviti.

Dalam hal ini, berbagai strategi penting telah dirancang dan berbagai program dan kursus khas telah dilancarkan. Pada tahun 1983, kursus-kursus khas telah dilaksanakan bersamaan dengan Kempen Produktiviti yang bertujuan untuk menggalakkan kesedaran masyarakat tentang konsep produktiviti dan kepentingannya. Maka dengan itu pada 1 November, 1983, program 5 tahun Kempen Produktiviti telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Untuk menyelaraskan kempen Galakan Produktiviti, dua unit tambahan telah ditubuhkan iaitu, Unit Galakan Produktiviti dan Unit Kumpulan Kawalan Mutu.

Unit Galakan Produktiviti berfungsi di dalam meningkatkan kesedaran produktiviti masyarakat menerusi galakan media massa, ceramah pengurusan atasan dan bawahan, ceramah pelajar dan suri rumahtangga, penerbitan makalah-makalah dan buku-buku kecil serta bahan-bahan galakan seperti poster, pen, pensil, rantai kunci dan sebagainya.

Kaedah-kaedah tentang bagaimana produktiviti dapat ditingkatkan disebarikan terhadap sasaran golongan masyarakat terutamanya masyarakat pekerja.

Di samping itu bidang pengukuran produktiviti telah mula memainkan peranan yang penting di dalam membantu meningkatkan prestasi syarikat menerusi program mengukur pencapaian produktiviti mereka.

Aktiviti Kumpulan Kawalan Mutu ('Quality Control Circles' atau QCC) iaitu satu sistem pengurusan bermutu yang unik dan berkesan yang berasal dari negara Jepun telah mendapat perhatian di berbagai sektor swasta dan awam. Ini dapat disaksikan dengan penubuhan berbagai kumpulan QCC di industri-industri dan badan-badan kerajaan. PDPN bertindak sebagai sekretariat QCC dengan tujuan untuk mengawasi perkembangan dan kemajuan kumpulan QCC yang telah ditubuhkan pada tahun 1989. Dalam hal ini, sebanyak 1,221 buah kumpulan QCC dari berbagai organisasi telah berdaftar dengan Sekretariat, sementara yang tidak berdaftar dianggarkan sebanyak 2,000 buah. Untuk mencapai peningkatan mutu dan produktiviti yang sebenar, kawalan mutu mestilah menyeluruh hingga ke peringkat pengurusan atasan. Maka dengan itu aktiviti Kawalan Mutu Menyeluruh ('Total Quality Control' atau 'TQC') telah diwujudkan pada tahun 1988 dengan penubuhan dan peningkatan status Sekretariat QCC ke tahap Sekretariat TQC. Ahli-ahlinya adalah terdiri dari organisasi-organisasi sektor swasta dan awam. Sementara itu, Unit Pengurusan Perhotelan terus berkembang dengan pembinaan blok Institut Pengurusan Perhotelan dan Hotel Dayang (yang kini dikenal sebagai Hotel NPC).

Objektif utama PDPN ialah membantu menyekatkan produktiviti dan kualiti negara melalui strategi-strategi berikut:-

- PDPN menjalankan program dan aktiviti promosi, penyelidikan, latihan dan perundingan supaya industri tempatan terus meningkatkan daya saingan dalam pasaran tempatan dan antarabangsa.
- PDPN menjalankan program dan aktiviti untuk pembangunan tenaga manusia di semua lapisan dalam sektor industri dan perkhidmatan. Di samping menerapkan sikap dan nilai positif, program pembangunan tenaga manusia meningkatkan kepakaran, pengetahuan dan kemahiran tenaga kerja negara.
- PDPN menjalankan program dan aktiviti untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti industri kecil dan sederhana melalui program-program pengurusan dan penyeliaan, pemakaian teknik serta teknologi yang sesuai dan berkesan.

Fungsi Pusat Daya Pengeluaran Negara ialah:

1. Meningkatkan mutu pengurusan dan penyeliaan di semua peringkat perdagangan dan perusahaan negara;
2. Memperbaiki kecekapan perjalanan perusahaan jualan dan pemasaran;
3. Mengadakan latihan dan rancangan-rancangan yang diperlukan oleh negara untuk meningkatkan daya pengeluaran;
4. Menasihati kakitangan yang berkecualan, menteri dan agensi-agensi mengenai perkara yang berkaitan dengan daya pengeluaran; dan
5. Menjalankan khidmat perunding dalam membincangkan masalah-masalah pengurusan dan penyeliaan.

Struktur Majlis Pusat Daya Pengeluaran Negara adalah seperti yang diperuntukkan oleh Akta Memperbadankan Daya Pengeluaran Negara Bil. 19, 1966 dan Pindaan 1975. Pengerusi dan Ahli-ahli Majlis dilantik oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Pengarah, Ketua Eksekutif Pusat yang dilantik oleh Majlis dengan persetujuan Menteri adalah juga ahli Majlis. Ahli-ahli Majlis juga terdiri dari wakil-wakil Kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi dan institusi-institusi pengurusan buruh, majikan perdagangan, perkilangan, kewangan dan perindustrian. Pusat Daya Pengeluaran menjalankan operasi latihan melalui unit-unit tertentu iaitu:

1. Bahagian Perkhidmatan Bumiputera
2. Bahagian Jualan dan Pemasaran
3. Bahagian Kejuruteraan dan Perusahaan
4. Bahagian Pengurusan Perakaunan
5. Bahagian kemajuan Personel
6. Bahagian Automesyen Kos Rendah
7. Bahagian Industri Pelancongan

## **BAHAGIAN PERKHIDMATAN BUMIPUTERA**

Bahagian ini diwujudkan pada tahun 1972 bagi tujuan untuk memudahkan permintaan

yang bertambah di kalangan bumiputera yang kurang dan tidak mahir dalam bahasa Inggeris untuk mengikuti latihan pengurusan. Bahagian ini telah menganjurkan berbagai-bagai kursus dengan bengkel yang berorientasikan kepada bidang pengurusan perniagaan. Kursus-kursus ini juga dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan.

#### **BAHAGIAN JUALAN DAN PEMASARAN**

Tugas utama bahagian ini adalah memberi khidmat penyelidikan dan nasihat mengenai hal-hal yang berkaitan dengan jualan dan pemasaran, khidmat ini dijalankan melalui kursus dan seminar.

#### **BAHAGIAN KEJURUTERAAN DAN PERUSAHAAN**

Bahagian ini menawarkan perkhidmatan kepakaran dalam bidang kejuruteraan perusahaan. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh bahagian ini ialah memberi latihan, nasihat, perundingan dan juga melibatkan diri dalam kempen-kempen Pusat Daya Pengeluaran Negara.

#### **BAHAGIAN PENGURUSAN PERAKAUNAN**

Bahagian ini bertanggungjawab memberi khidmat nasihat dalam pengurusan perakaunan. Ia juga mengendalikan lawatan dan ceramah kepada organisasi seperti Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, MIDK, sekolah-sekolah dan sebagainya. Bahagian ini juga menyelenggarakan seminar-seminar mengenai kewangan untuk organisasi-organisasi Kerajaan.

#### **BAHAGIAN KEMAJUAN PERSONEL**

Bahagian ini menawarkan perkhidmatan latihan, nasihat dan perundingan.

#### **BAHAGIAN AUTOMESYEN KOS RENDAH**

Bahagian ini bertanggungjawab memberi perkhidmatan kepakaran dalam bidang automesyen kepada pelanggan-pelanggan di sektor awam dan swasta.

#### **BAHAGIAN INDUSTRI PELANCONGAN**

Bahagian ini memberi latihan/kursus pengurusan pelancongan serta menganjurkan seminar dalam bidang tersebut.

Pusat Daya Pengeluaran negara juga mempunyai empat pejabat wilayah dan satu pejabat negeri. Pejabat di Kuantan telah ditubuhkan pada tahun 1975 meliputi negeri-negeri di Pantai Timur, pejabat di Pulau Pinang ditubuhkan pada tahun 1977 meliputi negeri-negeri di Utara Semenanjung Malaysia, sementara di Johor Bahru ditubuhkan pada tahun 1977 untuk meliputi negeri-negeri di Selatan Semenanjung Malaysia. Pada tahun 1979 pejabat Wilayah juga telah ditubuhkan di Kuching untuk negeri Sarawak dan Sabah. Pejabat Negeri di Kota Kinabalu telah ditubuhkan pada tahun 1980.

## **PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)**

Perbadanan ini telah ditubuhkan pada tahun 1981 berikutan dengan penguatkuasa Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981.

Tugas-tugas utama Perbadanan ini ialah:

1. Membuat syor-syor kepada Menteri tentang dasar-dasar, cara-cara dan langkah-langkah yang hendak diambil untuk menggalak, memelihara dan memudahkan Kemajuan Perusahaan Perfileman;
2. Untuk memaju dan mendorong perkembangan dan mengekalkan taraf perusahaan perfileman dengan berbagai-bagai cara, termasuk mengadakan perkhidmatan penyelidikan dan nasihat;
3. Untuk mengawal dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti, orang-orang dan badan-badan berkaitan dengan perkara-perkara berhubung dengan perusahaan perfileman;
4. Untuk menggalakkan dan membantu dalam memajukan perusahaan perfileman di dalam dan di luar Malaysia;
5. Untuk menyemak dan mengawasi pengeluaran, pengedaran dan pameran filem-filem dalam Malaysia, dan membuat peruntukan bagi mengeluarkan lesen-lesen; dan
6. Untuk mengurus dan mengawasi penyenggaraan dan pengendalian tempat-tempat dan peralatan kepunyaan Perbadanan.

**Kuasa-kuasa Perbadanan adalah:**

1. Untuk menjalankan tinjauan-tinjauan mengenai perusahaan perfileman dan menjalankan kajian-kajian kemungkinan bagi memajukan pengeluaran filem tempatan;
2. Untuk mengadakan kemudahan-kemudahan latihan untuk mengawas pelaksanaan projek-projek dan program-program latihan berhubung dengan perusahaan perfileman;
3. Untuk mengadakan atau membantu dalam pengeluaran perkhidmatan kemudahan-kemudahan dan peralatan perfileman untuk pengeluar-pengeluar, pengedar-pengedar, penayang-penayang filem dan pemilik dewan wayang gambar (Perbadanan sendiri tidak mengambil bahagian dalam pengeluaran filem secara langsung atau tidak langsung);
4. Untuk menerima, sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberi olehnya, apa-apa komisen atau bayaran yang dipersetujui;
5. Untuk memberi apa-apa subsidi atau kemudahan kredit tetapi tidak dengan cara untuk membolehkannya mengambil bahagian dalam pengeluaran filem secara langsung atau tidak langsung;



6. Untuk menetap dan mengenakan bayaran atau lain-lain bayaran berhubung dengan pelaksanaan tugas-tugasnya dalam perjalanan kuasa-kuasa di bawah akta ini;
7. Untuk mengambil bahagian dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang berkaitan dengan perusahaan perfileman dan untuk mengadakan, menganjur dan mengambil bahagian dalam pesta-pesta, pameran dan seminar-seminar filem atau apa-apa aktiviti yang seumpamanya di dalam dan di luar Malaysia;
8. Untuk menubuhkan institusi-institusi, pusat-pusat kecil dan bengkel-bengkel untuk menjalankan penyelidikan dan lain-lain aktiviti yang perlu bagi atau yang berkaitan dengan kemajuan perusahaan perfileman;
9. Untuk mengadakan dorongan bagi perusahaan perfileman.
10. Untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai mengenai berbagai-bagai aspek perusahaan perfileman; dan
11. Untuk melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

Dari segi organisasi Perbadanan ini mempunyai tiga bahagian iaitu:

1. Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
2. Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasa
3. Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan

#### **BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN**

Bahagian ini bertanggungjawab untuk menguruskan pentadbiran dan urusan harian kewangan Perbadanan seperti penyediaan dan pengurusan belanjawan tahunan, pengurusan harta benda dan pungutan hasil-hasil yang diterima oleh Perbadanan berikutan dengan pelaksanaan kuasa-kuasa Perbadanan. Di samping itu memberi khidmat kejuruteraan dalam bentuk penyenggaraan peralatan perfileman yang diwakili oleh Perbadanan.

#### **BAHAGIAN PERLESENAN DAN PENGUATKUASA**

Bahagian ini bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen-lesen kepada syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan dalam Seksyen 21 Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan mengawasi supaya syarat-syarat yang dikenakan terhadap lesen-lesen tersebut dipatuhi.

#### **BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN**

Bahagian ini bertanggungjawab untuk membuat kajian-kajian mengenai perkembangan industri perfileman tempatan dan antarabangsa; menguruskan seminar dan pesta-pesta filem serta hubungan seranta, mentadbirkan kursus-kursus serta hadiah/biasiswa yang dikeluarkan oleh Perbadanan dan membuat perancangan mengenai keperluan latihan industri perfileman tempatan.

## **PERBADANAN KEMAJUAN PELANCONGAN MALAYSIA (PKPM)**

Perbadanan ini telah ditubuhkan pada tahun 1972 sebagai sebuah Badan Berkanun di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan 1972. Sebelum daripada ini, aktiviti penggalakan pelancongan dikendalikan oleh Jabatan Pelancongan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Perbadanan ini telah dibentuk sebagai satu 'corporate entity' bagi membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan lebih aktif, berkesan dan agresif.

Perbadanan ini berfungsi di sekitar tiga aktiviti utamanya iaitu penggalakan, pembangunan dan penguatkuasa. Segala perjalanan dan aktiviti Perbadanan adalah berlandaskan kepada Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia Akta 72 (1972), Akta A 307 (Pindaan) 1975 dan Akta A 511 (Pindaan) 1981. Di samping itu satu peraturan telah dibentuk bagi memperkemas lagi pentadbiran industri pelancongan. Peraturan tersebut adalah "Tourist Development Corporation (Certification and Control of Tourist Guides) Regulations 1982".

Fungsi Perbadanan adalah seperti berikut:

1. Menyelaras aktiviti-aktiviti berhubung dengan perusahaan pelancongan yang dikendalikan oleh Jabatan-jabatan atau agensi-agensi Kerajaan atau agensi-agensi bukan Kerajaan;
2. Membuat syor-syor dan cadangan kepada Kerajaan mengenai kaedah-kaedah, langkah-langkah serta polisi-polisi yang akan digunakan untuk kemudahan perusahaan pelancongan dan sekiranya diluluskan oleh Kerajaan, akan membantu dalam melaksanakannya; dan
3. Menggalakkan pelancongan di kalangan rakyat tempatan dan antarabangsa serta mengambil bahagian di dalam pembangunan industri pelancongan di dalam Malaysia.

Objektif Perbadanan adalah seperti berikut:

1. Mewujudkan industri pelancongan yang 'vialble' dapat berfungsi dengan sendiri;
2. Memperkenalkan Malaysia sebagai suatu destinasi pelancongan yang menarik;
3. Menggalakkan pelancongan tempatan;
4. Memastikan industri pelancongan serta industri yang berkaitan dengan pelancongan berkembang secara sistematik, harmoni dan seimbang; dan
5. Memaksimumkan faedah pelancongan sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Aktiviti-aktiviti Perbadanan dikendalikan oleh bahagian-bahagian berikut:

1. Bahagian Pemasaran
2. Bahagian Penguatkuasa dan Kemudahan
3. Bahagian Perhubungan Antarabangsa dan Konvensyen

4. Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Projek
5. Bahagian Penyelidikan dan Latihan.
6. Bahagian Kewangan, Pentadbiran dan Perkhidmatan Am

## **BAHAGIAN PEMASARAN**

Bahagian ini berfungsi untuk memperkenalkan Malaysia di pasaran pelancongan antarabangsa dan mewujudkan perasaan cintakan Malaysia di kalangan rakyat Malaysia bagi menggalakkan pelancongan tempatan. Bahagian ini akan menyediakan maklumat-maklumat mengenai kemudahan-kemudahan dan tarikan-tarikan yang terdapat dalam negara ini. Pejabat-pejabat kemajuan pelancongan juga diwujudkan di luar negeri bagi memberi sokongan terhadap kegiatan galakan pelancongan yang dijalankan oleh Perbadanan.

Di antara pejabat-pejabat kemajuan pelancongan, terdapat di Singapura, Tokyo, Hong Kong, Sydney, London, Frankfurt dan San Francisco. Kegiatan-kegiatan lain yang dijalankan oleh bahagian ini ialah mengeluarkan risalah, poster dan bahan-bahan iklan mengenai Malaysia, mengambil bahagian dalam pameran-pameran antarabangsa dan tempatan berhubung dengan pelancongan dan pengembaraan serta menganjurkan seminar dan majlis dialog di seberang laut.

## **BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN PROJEK**

Bahagian ini bertanggungjawab merancang dan menyelaraskan semua aktiviti pembangunan pelancongan di negara ini. Di antara usaha-usaha yang dilaksanakan ialah pelaksanaan kajian-kajian kemungkinan dan pelan induk pelancongan, mengkaji pelan-pelan perancangan dan menyelaraskan pembangunan pelancongan serta pembangunan-pembangunan lain yang ada kaitan dengan pelancongan. Bahagian ini juga melibatkan diri dalam pelaburan-pelaburan dan pembangunan-pembangunan hotel. Bahagian ini juga menjalankan aktiviti-aktivitinya melalui kedai-kedai bebas cukainya yang terdapat di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang di samping mengelolakan projek-projek kereta kabel dan kereta rail.

## **BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN LATIHAN**

Bahagian ini adalah bertanggungjawab untuk mengumpul, memproses dan menganalisa data-data mengenai ketibaan para pelawat dan pelancongan dan lain-lain data berkaitan dengan pelancongan. Bahagian ini juga menjalankan kajian-kajian ke arah membentuk strategi-strategi pemasaran, pembangunan perbadanan dan kursus-kursus bagi kakitangan yang terlibat dalam perusahaan pelancongan.

## **BAHAGIAN PENGUATKUASA DAN KEMUDAHAN**

Bahagian ini membuat penilaian ke atas permohonan-permohonan sijil kebenaran masuk dari pengusaha-pengusaha pelancongan asing yang mengendalikan lawatan ke Semenanjung Malaysia. Bahagian ini bekerjasama rapat dengan Lembaga Pengangkutan Jalan dan persatuan-persatuan pelancongan. Pejabat-pejabat cawangan telah ditubuhkan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuala Terengganu, Kuching dan Kota Kinabalu.

## **BAHAGIAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN KONVENSyen**

Bahagian ini menjalankan hubungan dengan berbagai pertubuhan pelancongan serantau

dan antarabangsa seperti Persatuan Pelancongan Kawasan Pasifik (PATA), Pertubuhan Pelancongan Sedunia (WTU), Jawatankuasa ASEAN mengenai Perdagangan dan Pelancongan dan Pusat Galakan Perdagangan, Pelaburan dan Pelancongan ASEAN di Tokyo dan termasuk pertubuhan-pertubuhan pelancongan Kebangsaan Negara Luar. Bahagian ini berusaha untuk membantu Malaysia sebagai sebuah pusat konvensyen antarabangsa dengan menarik lebih banyak persidangan-persidangan ke Malaysia.


#### **BAHAGIAN KEWANGAN, PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN AM**

Bahagian ini bertanggungjawab dalam mentadbir pengurusan Perbadanan keseluruhannya iaitu mengawal, menyelaras dan melaksanakan polisi serta tatacara pentadbiran kakitangan, pentadbiran kewangan dan pentadbiran perkhidmatan Am sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbadanan.


# CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA



# **CARTA ORGANISASI** **LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA)**



# **CARTA ORGANISASI PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA (PDPN)**



## SENARAI AKTA

### Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

- Akta Kawalan Harga 1946
- Akta Kawalan Bekalan 1946
- Akta Kastam 1967
- Akta Sewabeli 1967
- Akta Hakcipta 1969, 1987
- Akta Perihal Dagangan 1972
- Akta Timbang dan Sukat 1972
- Akta Kemajuan Petroleum 1974
- Akta Penyelarasan Perindustrian 1975
- Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbendaharaan Halal) 1975
- Peraturan-peraturan Sewa Beli (Pengambilan Semula Milik dan Penyenggaraan Rekod-rekod oleh Pemunya) 1976
- Perintah Perihal Dagangan (Amaran Bahaya Merokok) 1977
- Perintah Kawalan Harga (Pelabelan Oleh Pengilang, Pengimport, Pengeluar atau Penjual Borong) 1979.
- Perintah-perintah Timbang dan Sukat 1981
- Peraturan-peraturan Timbang dan Sukat (Kewajipan dan Kuasa Penyimpan) 1981.
- Perintah Bentuk atau Penentuan Bagi Timbang atau Sukat atau Alat Timbang Atau Sukat 1981
- Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 1988
- Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1988
- Akta Perlindungan Pengguna

### Pejabat Pendaftaran Cap Dagangan dan Jaminhak

- Pejabat Cap Dagangan
  - Ordinan Cap Dagangan Sabah 1949 dan Kaedah-kaedah Cap Dagangan Bab 142
  - Ordinan Cap Dagangan no. 26 Tahun 1950 dan Kaedah-kaedah Cap Dagangan 1951
  - Ordinan Cap Dagangan Sarawak 1957 Bab. 62
  - Akta Cap Dagangan 1976.

### Pejabat Pendaftaran Jaminhak (Paten)

- The Registration of UK Patents Ordinance 1951
- The Patents (Rights of Government) Act 1967
- The Patents Ordinance of Sarawak
- The Registration of UK Patents Ordinance of Sabah



#### Pejabat Pendaftaran Syarikat

- Ordinan Syarikat-syarikat 1940-1948
- Akta Syarikat Amanah 1949 (disemak 1973)
- Akta Wang Tak Dituntut 1965
- Akta Syarikat 1965 dan Peraturan-peraturan Syarikat 1966
- Akta (larangan) Kumpulan Wang Koutu 1971
- Akta Perindustrian Sekuriti 1973 dan Peraturan Sekuriti 1976

#### Pejabat Pendaftaran Perniagaan

- Registration of Businesses Names Ordinance 1947
- Registration of Businesses and Licencing Ordinance 1953
- Registration of Businesses Ordinance no. 47/1956
- Registration of Businesses Act 1956 (Revised 1978)
- Kaedah-kaedah Pendaftaran 1957

#### Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)

- Akta (Penubuhan) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan 1965
- Akta Penyelarasan Perindustrian 1975
- Akta FIDA (Penukaran Nama dan Pindaan) 1979
- Akta Penggalakan Pelaburan 1986

#### Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN)

- Akta Majlis Daya Pengeluaran Negara (Memperbadankan) 1966
- Akta (Pindaan) (Memperbadankan) Daya Pengeluaran Negara 1975.

#### Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

- Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981

#### Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM)

- Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan 1972
- Akta A 307 (Pindaan) 1975
- Akta A 511 (Pindaan) 1981

#### Tourist Development Corporation (Certification and Control of Tourist Guides) Regulations 1982.

## **BIBLIOGRAFI**

1. Buku Rasmi Tahunan 1967 hingga 1982.
2. Fail-fail Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang terdapat di Arkib Negara Malaysia.
3. Laporan Tahunan Pusat Daya Pengeluaran Negara 1964, 1965, 1966.
4. Maklumat-maklumat dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan Perbadanan Pelancongan Malaysia.
5. Risalah mengenai Pusat Daya Pengeluaran Negara.